

2018 ANNUAL REPORT

LAPORAN TAHUNAN





20 ANNUAL
REPORT
LAPORAN
TAHUNAN **18**

The logo for the 2018 Annual Report features the number '20' in a dark blue font with a white Garuda emblem inside the zero. To the right, the words 'ANNUAL REPORT' are written in a teal font. Below '20' is the Indonesian text 'LAPORAN TAHUNAN' in teal. To the right of this text is the number '18' in a green font, with a photograph of a person in a library integrated into the '1' and '8'.



Laporan Tahunan 2018
©2019 Pustaka Negeri Sarawak
Kuching, Sarawak
Malaysia

All rights reserved.
No part of this publication may be reproduced or transmitted
in any form or by any means, electronic or mechanical,
including photocopy or any information storage and retrieval system,
without permission in writing from the publisher.



KANDUNGAN

CONTENTS

- 04** **Pengenalan**
Introduction
- 05** **Perutusan Pengerusi Lembaga Pengurusan**
Message From The Chairman, Board Of Management
- 06** **Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif**
Message From The Chief Executive Officer
- 08** **Carta Organisasi**
Organization Chart
- 09** **Ahli Lembaga Pengurusan**
The Board Of Management
- 11** **Pengurusan**
The Management
- 19** **Balanced Scorecard Pustaka**
Pustaka's Balanced Scorecard
- 20** **Kecemerlangan Pengurusan Ilmu**
Knowledge Management Excellence
- 27** **Kecemerlangan Perkhidmatan**
Service Excellence
- 40** **Kecemerlangan Kolaborasi**
Collaboration Excellence
- 44** **Kapasiti Organisasi**
Organizational Capacity
- 48** **Penghargaan Kepada Rakan Kerjasama & Rakan Pintar**
Acknowledgement To Our Collaborators & Smart Partners
- 49** **Penyata Kewangan**
Financial Statement



PENGENALAN

INTRODUCTION

VISI | VISION

Menjadi wadah maklumat dan pengetahuan kepada negeri Sarawak.

To be the reservoir and fountain of information and knowledge to the State.

MISI | MISSION

Memberi capaian kepada sumber maklumat dan memelihara warisan intelek negeri Sarawak.

To provide access to information resources and to preserve Sarawak's intellectual heritage.

OBJEKTIF | OBJECTIVE

Menggalakkan pembudayaan ilmu pengetahuan di negeri Sarawak.

To promote acculturation of knowledge in the State.

PERUTUSAN Pengerusi, Lembaga Pengurusan MESSAGE FROM THE CHAIRMAN, BOARD OF MANAGEMENT

Ke Arah 20 Tahun / Approaching 20th Year of Existence

Semenjak 19 tahun yang lalu, Pustaka telah membuka perkhidmatannya kepada seluruh rakyat Sarawak. Sebelas orang pegawai telah mendedikasikan kepakaran dan profesionalisme mereka dan telah direalisasikan dengan pembukaan operasi Pustaka secara rasmi kepada orang awam pada 1 Februari 2000. Mereka merupakan kumpulan awal pegawai yang kemudiannya menjadi mentor dan merekrut lebih ramai pegawai untuk bekerjasama menyampaikan perkhidmatan maklumat kepada rakyat di setiap pelosok negeri Sarawak. Pertambahan dari 11 orang pegawai sehingga menjadi 171 orang staf sehingga akhir tahun 2018 dilaksanakan dengan semangat dan dedikasi untuk berkhidmat kepada lebih 600,000 penduduk di Kuching dan lebih dari 2.7 juta penduduk di seluruh Sarawak tidak kira di mana berada.

Pada bulan Januari, tahun baharu 2018 disambut dengan penganjuran *Chairman's Annual Address*. Program ini memberi ruang berinteraksi di antara rakan kongsi, pengguna dan pemegang taruh dengan Pustaka yang membuka peluang kerjasama di masa akan datang. Antara pengisian program tersebut ialah perasmian Mural Pustaka. Projek mural ini direalisasikan melalui kerjasama di antara Pustaka dan UNIMAS. Mural ini bukan sekadar cebisan seni tetapi kemapanan visual yang membolehkan generasi baharu mengenali flora dan fauna peribumi Sarawak. Pustaka aktif menggalakkan inovasi sebagai polisi jabatan, ianya banyak membantu memberikan pengalaman yang lebih intuitif kepada pelanggan dan penungjung Pustaka. Program inovatif seperti PANDei (*People*

Accessible Network for Digital Empowerment and Inclusivity) dan *Reading Seeds* adalah antara inisiatif tahun 2018 yang disebarkan ke seluruh pelosok negeri bagi membawa kemahiran literasi digital dan pembelajaran awal kanak-kanak kepada semua rakyat Sarawak. Program-program inovatif di Pustaka adalah hasil kerjasama dengan beberapa rakan pintar. Melalui projek-projek kerjasama yang dilaksanakan, sebanyak 82,425 peserta yang menyertai 484 program yang dianjurkan berjaya dicapai pada tahun ini. Pustaka kini telah menjadi satu jenama dan bersedia menjalinkan bekerjasama dalam pelbagai program yang memfokuskan kepada aspek pembelajaran sepanjang hayat. Pustaka beriltizam untuk mengujudkan rangkaian rakan pintar seluas yang mungkin untuk mempertingkatkan penyampaian, teknologi dan kepakaran perkhidmatan perpustakaan dan arkib. Usaha ini telah menggalakkan penyertaan dalam persidangan perpustakaan antarabangsa iaitu dengan penglibatan 21 pegawai dan ahli lembaga pengurusan ke IFLA 2018 di Kuala Lumpur. Lima kertas kerja dan 6 poster telah berjaya dibentangkan di sesi IFLA 2018. Penglibatan dalam persidangan dan anugerah peringkat antarabangsa merupakan usaha gigih Pustaka untuk mendapatkan pengiktirafan profesional di peringkat dunia.

Ruang ini juga digunakan untuk mengalu-alukan kehadiran keluarga baharu Pustaka yang akan memulakan perkhidmatan kepada rakyat di kampus baharu iaitu Pustaka Negeri Sarawak, Sibul. Kehadiran pegawai baharu ini diberi ruang dan peluang untuk mempelajari operasi dan pengurusan perpustakaan sebagai langkah persediaan.

Kami berpegang kepada prinsip bahawa setiap individu hendaklah diberi peluang yang sama untuk mendapat akses maklumat untuk pembelajaran. Kami bersungguh-sungguh untuk membolehkan Pustaka Negeri Sarawak, Sibul memulakan operasinya pada tahun 2020. Kami mahu berkongsi agar pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan selama ini dapat dinikmati bersama dengan warga Sibul dan seluruh pelosok negeri Sarawak.



We opened our door to the public 19 years ago. Eleven officers dedicated their expertise and professionalism to ensure that Pustaka could begin its operations on 1 February 2000. These were the pioneer officers who later became mentors and recruited more officers to work together with them in delivering information services to the people of Sarawak, to as far as rural areas. The increase in number of staff from 11 to 171 by the end of 2018 was testament to the passion and dedication to serve over 600,000 people in Kuching, and an overall population of more than 2.7 million people State-wide.

We welcomed the new year with the Chairman's Annual Address in January, an event that was an ideal platform for our partners to meet and greet. We enriched the event with the launching of Pustaka's Mural, which we worked together with UNIMAS to rationalise. The mural is more than just a piece of art; it is visual sustainability that allows the new generation to recognise our indigenous flora and fauna. Innovation has also resulted in more intuitive experiences to our customers since the end of 2018. Innovative programmes such as PANDei (People Accessible Network for Digital Empowerment and Inclusivity) and Reading Seeds were some of those initiatives in 2018. Partnerships and collaboration are so meaningful to us. In 2018, we reached out to 82,425 beneficiaries through 484 collaborative programmes. We are proud to present Pustaka as a brand that is willing to collaborate as far as life-long learning programme is concerned. We created a broadest possible networking to enrich library and archive service delivery, technology and expertise by taking part in the international library conference (IFLA 2018), with 21 officers and board members participating. Five papers and 6 posters from Pustaka were accepted at IFLA 2018.

This participation is hope to significantly increase the visibility of Pustaka and its officers for professional recognition worldwide. We are glad because by participating, Pustaka is showing its purpose to support information needed amongst Sarawakians. Towards the end of 2018, we welcomed to the Pustaka family, new officers that will serve at our new campus in Sibul. They must learn and know about operations and management from Pustaka's headquarters in Kuching before their deployment to Sibul. This equips them with sufficient experiences to properly render information and library services in Sibul.

We have always believed that everybody must have an equal chance to access information and learning. Having said that, we are pushing our boundaries to open our Sibul Campus in 2020. We want to expand the fun learning experience we developed in Kuching to the people in Sibul and the rest of the State.

YBhg. Tan Sri Datuk Amar (D.A.) Haji Hamid Bugo
Pengerusi Lembaga Pengurusan / Chairman, Board of Management
Pustaka Negeri Sarawak

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Pelanggan yang dihargai...

Kami dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Pustaka Negeri Sarawak 2018. Tahun 2018 menyaksikan penambahbaikan yang ketara dalam prestasi KPI keseluruhan *Balanced Scorecard* (BSC) dari 7.65 pada 2017 kepada 8.48 pada 2018 serta peningkatan jumlah KPI dari 31 pada 2017 kepada 35 pada 2018 masing-masing. Kami sentiasa berusaha untuk terus menambah baik dan mengkaji semula KPI sedia ada untuk memenuhi keperluan pelanggan dan jangkaan pihak berkepentingan sejak mula kami melaksanakan BSC pada tahun 2017.

Pada tahun 2018, kami telah melancarkan *People Accessible, Network for Digital Empowerment & Inclusivity* (PANDEi), yang merupakan satu program literasi digital dan media untuk pelbagai komuniti di Negeri Sarawak. Usaha ini selari dengan inisiatif Ekonomi Digital Kerajaan Negeri Sarawak 2018–2022 untuk mempunyai inisiatif dan keterangkuman digital bagi rakyat Sarawak dengan kerjasama Jabatan Ketua Menteri dan *Sarawak Multimedia Authority* (SMA). Pustaka telah mengambil peranan utama dalam inisiatif digital ini.

Kami berbesar hati untuk membangunkan *Online Open Course* (MOOCs) untuk Modul Literasi Maklumat berdasarkan keperluan kumpulan sasaran dan diikuti dengan kajian impak ke atas keberkesanan program ini.

Pustaka secara berterusan telah menggalakkan agensi kerajaan untuk memindahkan rekod dan bahan arkib mereka. Bahan-bahan ini telah menyumbang sejumlah 251,457 atau 72% daripada jumlah kadar pertumbuhan maklumat bahan perpustakaan yang diperolehi pada 2018. Ini menandakan peningkatan kesedaran mengenai peranan jabatan dan agensi kerajaan untuk mendeposit dan memindahkan rekod-rekod yang bernilai arkib ke Pustaka.

Koleksi fizikal kami telah banyak dilengkapi dengan sumber digital dalam talian, menjadikannya lebih mudah diakses melalui konsortium perpustakaan

Sarawak. Usaha ini dipertingkatkan lagi melalui komunikasi dan akses jalur lebar yang lebih baik. Aktiviti dan program akan terus dilaksanakan selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari UNESCO 2030 seperti:

- Meningkatkan akses maklumat dan pengetahuan kepada seluruh masyarakat, dibantu dengan adanya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).
- Menyokong pembangunan mampan dan meningkatkan kehidupan orang ramai serta memastikan "tidak ada seorang pun di dalam negara tertinggal" dalam kempen literasi digital kami.

Salah satu acara yang telah berjaya diadakan pada tahun 2018 ialah *Sarawak Children's Festival* yang mencatatkan seramai 6,000 orang pelawat termasuk peserta. Acara dua (2) hari tersebut disasarkan kepada kanak-kanak berumur 4–12 tahun dan ibu bapa. Antara aktiviti yang dianjurkan ialah sesi bercerita yang disampaikan oleh pencerita tempatan dan antarabangsa, aktiviti sains dan teknologi serta persembahan oleh kanak-kanak daripada pelbagai peringkat umur.

Pada tahun 2018, kami mengambil bahagian secara aktif dalam beberapa pertandingan dan telah memenangi pelbagai anugerah di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Antara anugerah yang dimenangi:

1. *The Knowledge Management and Intellectual Capital Excellence Awards*
2. Anugerah Cabaran Inovasi Inklusif 2018
3. *Blue Ribbon Campaign*
4. Halaman Organisasi Tercantik di Pustaka Miri
5. *High Performance Team (HPT Pustaka in a Box, HPT Bookaroo, HPT Makers Meet, HPT Reading Seeds)*
6. *Electronic Information for Libraries (EIFL)* pada Anugerah Inovasi Perpustakaan Awam

Daripada kira-kira 19 anugerah yang dipertandingkan, 14 telah diterima di peringkat negeri (7) peringkat kebangsaan (2) dan peringkat antarabangsa (5). Pustaka juga telah menganjurkan Anugerah Perpustakaan Keluarga di peringkat negeri dan telah menerima sambutan yang menggalakkan oleh masyarakat.

Pencapaian pada tahun 2018:

- Pustaka telah memenangi Anugerah Emas untuk projek bertajuk, "Mewujudkan Sistem Pendokumentasian Rekod Kualiti 5S Pustaka di dalam *Quality Environment (5S) Convention*, Wilayah Sarawak dan *Team Excellence Convention* untuk Wilayah Sabah & Sarawak.
- Pustaka telah mencapai pensijilan semula untuk MS ISO 9001:2015 untuk Pustaka Negeri (Kuching), Pustaka Miri dan Repositori Rekod Negeri (SRR) masing-masing untuk skop aktiviti yang dikelaskan di bawah "*The provision of library and depository services* daripada *CI International Certification Sdn. Bhd.*" Sijil ini sah selama 3 tahun daripada 3 September 2018 hingga 29 Januari 2020.
- Kumpulan KIK, *I-Legion* telah dianugerahkan '1 Bintang' untuk projek yang bertajuk "i-Nunjok"

di Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2018. Projek ini telah diilhamkan daripada "Soalan Lazim" yang diterima terutamanya daripada pengguna baru atau pelawat yang berkunjung ke Pustaka Miri. Aplikasi itu memudahkan para pengunjung perpustakaan untuk mengenalpasti arah perjalanan mereka ke lokasi pilihan mereka di dalam perpustakaan. Pengunjung kini mempunyai pilihan untuk menggunakan aplikasi yang disediakan di pintu masuk utama perpustakaan.

- Pustaka Miri telah memenangi tempat kedua di dalam Konvensyen KIK Perpustakaan Se-Malaysia 2018 yang diadakan di Melaka. Konvensyen ini dianjurkan bersama oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dan Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia. Kumpulan tersebut menerima wang tunai RM 2,000.00, beserta trofi dan sijil.
- Kumpulan itu juga telah memenangi tempat kedua di dalam *Sarawak Zone Inclusive Invention Challenge Competition* di *University College of Technology Sarawak*, Sibul. Pustaka Miri dipertandingkan di bawah Kategori Sektor Swasta dan Kerajaan dan menerima wang tunai RM 3,000.00 beserta trofi dan sijil.
- Pustaka telah menampakkkan kehadiran di arena antarabangsa dengan mengambil bahagian di WLIC IFLA 2018, yang dihoskan di Kuala Lumpur: satu (1) poster, lima (5) kertas persidangan dan lima (5) poster boulevard perpustakaan telah diterima dan dipamerkan.

Dengan penuh bangga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua penerima-penerima bagi pencapaian anugerah tersebut.

Dengan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada Lembaga Pengurusan dan staf Pustaka atas komitmen, dedikasi dan kerja keras mereka dalam memenuhi objektif dan strategi Pustaka. Kami menghargai kewujudan hampir 20 tahun dan kami akan terus berusaha untuk menjadi yang terbaik di rantau ini dan kekal relevan dalam masyarakat, untuk memastikan akses universal kepada perpustakaan dan perkhidmatan maklumat.

Peranan perpustakaan telah menjadi semakin mencabar pada abad ke-21 ini. Dengan itu, kami perlu sentiasa berada di hadapan dan meninggikan taraf perkhidmatan kami untuk diiktiraf dalam jangka masa yang lama.

Dr. Rashidah Haji Bolhassan
Ketua Pegawai Eksekutif
Pustaka Negeri Sarawak

MESSAGE FROM THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Dear valued customers...

We are pleased to present Pustaka Negeri Sarawak's Annual Report 2018. The year 2018 saw a marked improvement in our Balanced Scorecard (BSC) overall KPI performances from 7.65 in 2017 to 8.48 in 2018 as well as an increase in the total number of KPIs from 31 in 2017 to 35 in 2018 respectively. We strive to continuously improve and review our existing KPIs to meet our customer's needs and stakeholder's expectations since we first implemented BSC in 2017.

In 2018, we launched the People Accessible, Network for Digital Empowerment & Inclusivity (PANDEI), a digital and media literacy programme for the various communities in the State. This endeavour is in line with the Sarawak State Government's Digital Economy initiative 2018-2022 to have digital initiative and inclusivity for the people of Sarawak in collaboration with the Chief Minister's Department and Sarawak Multimedia Authority (SMA). Pustaka assumes the lead role in this digital initiative.

We are pleased to develop the Online Open Course (MOOCs) on Information Literacy Modules based on the need of the targeted groups and followed by an impact study on the effectiveness of this programme.

Pustaka has continuously encouraged government agencies to transfer their records and archives. These materials have contributed a total of 251,457 or 72% of the total information growth rate of library materials acquired in 2018. This signalled an increase in awareness of government departments and agencies' roles to deposit and transfer records of archival values to Pustaka.

Our physical collections have been substantially complemented with online digital resources, making them more accessible through Sarawak's consortium of libraries. This is further enhanced through improved broadband communication and accessibility. Activities and programmes will continue to be implemented, in line with UNESCO's Sustainable Development Goals 2030, i.e.

- Increasing access to information and knowledge across society, assisted by the availability of information and communications technologies (ICTs).
- Supporting sustainable development and improving people's lives, as well as ensuring 'no one in the State is left behind' in our digital literacy campaigns.

One of the successful events held in 2018 was the Sarawak Children's Festival which registered a total 6,000 visitors including participants. The 2-day event targeted children aged 4 to 12 years old and parents. Among the activities organised were storytelling sessions conducted by both local and international storytellers, science and technology activities as well as presentations by the children and those of other age groups.

In 2018, we participated actively in competitions - winning numerous awards at the state, national and international levels respectively. Among the awards were:

1. The Knowledge Management and Intellectual Capital Excellence Awards
2. Anugerah Cabaran Inovasi Inklusif 2018
3. Blue Ribbon Campaign
4. Halaman Organisasi Tercantik in Pustaka Miri
5. High Performance Team (HPT Pustaka in a box, HPT Bookaroo, HPT Makers Meet, HPT Reading Seeds)
6. Electronic Information for Libraries (EIFL) on Public Library Innovation Award, to name a few

More than 19 awards, 14 were accepted within the state (7), national (2) and international levels (5). On the home front, Pustaka also organised Anugerah Perpustakaan Keluarga at the state level which was well received by the public.


Achievements in 2018:

- Pustaka won the Gold Award for a project entitled, "Mewujudkan sistem pendokumentasian rekod kualiti 5S Pustaka in the Quality Environment (5S) Convention, Sarawak Region and Team Excellence Convention for Sabah & Sarawak Regional respectively.
- Pustaka attained re-certification for MS ISO 9001:2015 for Pustaka Negeri (Kuching), Pustaka Miri, and State Records Repository (SRR) respectively for the scope of activities classified under "The provision of library and depository services from CI International Certification Sdn. Bhd." The certificate is valid for 3 years from 3 September 2018 until 29 January 2020.
- The KIK Group, I-Legion Team was awarded '1 Star' for the project entitled, "i-Nunjok" in Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2018. The project was inspired from "Frequently Asked Questions" received especially from new users or visitors patronising Pustaka Miri. The application facilitated the library's visitors to navigate their way to their preferred locations within the library. Visitors now have the option to use the application which is provided at the main entrance of the library.
- Pustaka Miri won second place in the Malaysian Libraries KIK Convention 2018 held in Melaka. The Convention was jointly organised by Melaka Public Library Corporation, Hang Tuah Jaya Municipal Council and the Council of Directors, Malaysia Public Libraries. The team received RM2,000.00 cash, a trophy and a certificate.
- The team also won second place in Sarawak Zone Inclusive Invention Challenge Competition at the University College of Technology Sarawak, Sibul. Pustaka Miri contested under the Private and Government Sector and received RM3,000.00 cash, a trophy and a certificate.
- Pustaka made international presence by participating at WLIC IFLA 2018, hosted in Kuala Lumpur: one (1) poster, five (5) conference papers, and five (5) library boulevard posters were accepted and presented respectively.

With great pride, I wish to congratulate all our high achievers.

On that note, I hereby wish to express my heartfelt gratitude and appreciation to the Board, the Management and Staff of Pustaka for their commitment, dedication and hard work in fulfilling the objectives and strategies of Pustaka. We have cherished an existence of almost 20 years, and we will continue to strive to become the best in this region and to stay relevant in our society, ultimately to ensure universal access to library and information services.


The roles of libraries get more challenging in the 21st century. We have to push the boundaries and raise our bars to be reckoned with.



Dr. Rashidah Haji Dolhassan
Chief Executive Officer
Pustaka Negeri Sarawak


CARTA ORGANISASI

ORGANIZATION CHART



AHLI LEMBAGA PENGURUSAN

THE BOARD OF MANAGEMENT



**YBHG TAN SRI DATUK AMAR
(DR.) HAJI HAMID BUGO**


Pengerusi/Chairman



**YB TAN SRI DATUK AMAR
HAJI MOHAMAD MORSHIDI
BIN ABDUL GHANI**

Timbalan Pengerusi/Deputy Chairman

AHLI LEMBAGA PENGURUSAN
THE BOARD OF MANAGEMENT



1. YBrs. Dr. Haji Abdul Rahman Deen
2. YBhg Dato' Nafisah Binti Ahmad
3. YBrs. Prof. Dr. Shahren Ahmad Zaidi Adruce

4. YBrs. Dr. Rita Manurung
5. YBhg. Datuk Alfred Yap Chin Loi
6. YBhg. Datu William Patrick Nyigor

PENGURUSAN

THE MANAGEMENT



DR. RASHIDAH HAJI BOLHASSAN
Ketua Pegawai Eksekutif/*Chief Executive Officer*

TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF/*DEPUTY CHIEF EXECUTIVE OFFICER*



ARPAH HAJI ADENAN
Perkhidmatan/*Services*



JAPRI BUJANG MASLI
Operasi/*Operations*

KETUA-KETUA SEKTOR/*SECTOR HEADS*



NESLY REBID ABDULLAH
Perkhidmatan Perpustakaan
Library Services



WAN MAZLI WAN RAZALI
Pengurusan Korporat
Corporate Management



HAYATI HAJI SABIL
Perkhidmatan Depositori
Depository Services



HAJAH SALINA HAJI ZAWAWI
Pengurus Wilayah, Miri
Regional Manager, Miri



FAIRUL AZLI BANCHIT
Pengurus Wilayah, Sibü
Regional Manager, Sibü



PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Barisan Pertama, Hadapan, Dari Kiri / First Row, Front, From Left:

Norafiqah Nabila Julaihi, Fiona Ravia Asing, Nur Faziella Syazmeen Hasli, Norlailawaty Ismail, Puspa Diana Jawi, Mohd Asraf Abdul Wahab, Maurice Braoh, Syeida Ali Husien, Fairul Azli Banchit, Hjh Salina Hj Zawawi, Hayati Hj Sabil, Nesly Rebid Abdullah, Arpah Hj Adenan, Dr. Hjh Rashidah Hj Bolhassan, Japri Bujang Masli, Wan Mazli Wan Razali, Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad, Razak Hj Rambili, Vincent Jinap, Edison Ricket, Laurena Aloh, Izaruddin Moss, Ramdzan Hj Saman, Musa Ayob Abdul Rahman, Kian Tungku

Barisan Pertama, Berdiri, Dari Kiri / First Row, Standing, From Left:

Zuriawati Mohd. Laili, Drang Jite, Anna Natasha Endawed, Nurfarahatul Aqma Julani, Nurrul Azzila Abdul Rasid, Ong Soon Foong, Alya Faeeqah Hamali, Dorothy Dela, Haslizawati Johan, Noranita Hj Kerim, Haspidawati Hj Bujang, Anita Hj Hamdan, Nur Nadhirah Frida Abdullah, Nor-Asemah Drahman, Jeyssi Halmi, Dizronica Nyalau Wan, Siti Khairunnisa Rosli, Syafnaz Afidia Andrew Affendi, Ayu Lestary Yahya, Nor Diana Nawawi, Veronica Edward Sidi, Natalia Muhammad, Afiza Ibrahim, Rozana Octovia Raymond Umpu, Nur Fatini Apani, Freda Padel, Mablukool Ramler, Aida Lailani Yahya, Zuraidah Mat, Flin Lovinia Hussein, Sunny Safrina Patrick Jitam, Nur Amanina Mastani, Shahrieza Rabaie

Barisan Kedua Berdiri, Dari Kiri / Second Row, Standing, From Left:

Fatin Fahsha Adenan, Junainah Buang, Helizah Rapae, Siti Zalilah Abang Zaidi, Nadzrah Mohd Othman, Dayang Najwa Hazwani Awang Zaini, Nurrini Esmani, Angelica Dolly Rattha, Cennylia Sundong, Aida Suraya Yaseer Samson, Khuzainah Khalid, Siti Munirah Idris, Ammie Syarina Mohd Jelani, Aidashermillah Hashim, Nur Ashikin Hj Ahmad, Norassima Sitam, Marlini Mahadar, Nurasikin Ahmad, Ainie Umairah Lee Abdullah, Franklin Gimam, Freddy Lanyau, Mohd Feizul Median, Mohd Tarmizi Malek, Ebby Saifullah Suhaimi, Zainal Ali, Suhaili Hj Morsidi, Mohd Aizat Ajis

Barisan Belakang, Berdiri, Dari Kiri / Back Row, Standing, From Left:

Norzihan Hj Abdullah, Alya Afika Pairi, Norasfia Zainal, Mohd Abdullah Hamdan, Arman Chee, Idris Morni, Sehih Lui, Amrul Nasri Mohammed, Bronny Lawrence Nawe, Herrie Sulliano Mohamad, Amir Hamzah Hj Ahmad, Mohd Nazari Razali, Daut Bogol, Henry Leo, Mohd Nazrin Mohamad Junaidi, George Abraham Graman, Muhd Qhairulhafiz Endera, Tony Sherbern, Mohd. Aidiq Aidi, Cyprian Eldred Rossem, Mohd. Sukaimi Bujang, Mohd. Shahrul Bahro



SEKTOR PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

LIBRARY SERVICES SECTOR

Barisan Pertama, Hadapan, Dari Kiri / First Row, Front, From Left:

Ramdzan Haji Saman, Edison Ricket, Razak Hj Rambili, Daut Bogol, Nur Nadhirah Frida Abdullah, Veronica Edward Sidi, Nurrini Esmani, Haslizawati Johan, Noranita Hj Kerim, Anna Natasha Endawed, Mohd Nazrin Mohamad Junaidi, Drang Jite, Kian Tungku, Mabhlukool Ramler, Rozana Octovia Raymond Umpu, Nurfatini Apandi, Norlailawaty Ismail, Sunny Safrina Patrick Jitam, Nesly Rebid Abdullah, Arpah Hj Adenan, Cennyilia Sundong, Dayang Najwa Hazwani Awang Zaini

Barisan Belakang, Dari Kiri / Back Row, From Left:

George Abraham Graman, Franklin Gimán, Muhd Qhairulhafiz Endera, Freddy Lanyau, Norassima Sitam, Suhaili Hj Morsidi, Nurasikin Ahmad, Khuzainah Khalid, Ainie Umairah Lee Abdullah, Zuraidah Mat, Henry Leo



SEKTOR PENGURUSAN KORPORAT CORPORATE MANAGEMENT SECTOR

Barisan Pertama, Dari Kiri / First Row, From Left:

Flin Lovinia Hussein, Syeeda Ali Husien, Zuriawati Mohd Laili, Siti Munirah Idris, Aida Lailani Yahya, Siti Khairunnisa Rosli, Wan Mazli Wan Razali, Arpah Hj Adenan, Japri Bujang Masli, Anita Hj Hamdan, Haspidawati Hj Bujang, Nur Ashikin Hj Ahmad, Norafiqah Nabilah Julaihi, Norasfia Zainal, Alya Afka Pairi

Barisan Kedua, Dari Kiri / Second Row, From Left:

Norzihan Hj Abdullah, Nor-Asemah Drahman, Alya Faeeqah Hamali, Muhammad Shahrul Bahro, Mohammad Aidq Aidi, Sehih Lui, Mohammad Abdullah Hamdan, Idris Morni, Mohamed Ismauli Abdul Wahab, Arman Chee, Zaidi Mohd. Nor, Cyprian Eldred Rossem, Mohd. Nazari Razali, Ammie Syarina Mohd Jelani, Helizah Rapae, Laurena Aloh, Junainah Buang



SEKTOR PERKHIDMATAN DEPOSITORI *DEPOSITORY SERVICES SECTOR*

Barisan Hadapan, Duduk, Dari Kiri / Front Row, Seated, From Left:

Natalia Muhammad, Marlini Mahadar, Herrie Sulliano Mohamad, Mohamad Aizat Ajis, Amrul Nasri Mohamed, Norasfia Zainal, Ayu Lestary Yahya, Dorothy Dela

Berdiri, Dari Kiri / Standing, From Left:

Dizronica Nyalau Wan, Syafinaz Afidia Andrew Affendi, Dayang Nur Syima Awang Adrus, Sarinah Kassim, Izaruddin Moss, Vincent Jinap, Arpah Hj Adenan, Hayati Hj Sabil, Norlailawaty Ismail, Alvaena Valentine, Rina Rimong, Nor Diana Nawawi, Nadzrah Mohd. Othman, Aidashermilla Hashim, Jeysi Halmi



SEKTOR TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI *INFORMATION & COMMUNICATION TECHNOLOGY SECTOR*

Dari Kiri / From Left:

Zainal Ali, Mohammad Sukaimi Bujang, Musa Ayub Abdul Rahman, Japri Bujang Masli, Angelica Dolly Rattha, Tonny Sherbern, Puspa Diana Jawi, Freda Padel



BAHAGIAN INOVASI & KELESTARIAN *INNOVATION & SUSTAINABILITY DIVISION*

Dari Kiri / From Left:

Amir Hamzah Ahmad, Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad, Bronny Lawrence Nawe



AUDIT DALAMAN *INTERNAL AUDIT*

Maurice Braoh



PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI

Barisan Hadapan, Dari Kiri / Front Row, From Left:

Mohamad Bakhtiar Supardi, Ahmad Samsudin, Georgiana Usun Jok, Siti Rohana Saat, Jamilah Juli, Salina Haji Zawawi, Norfadila Sukardi, Masni Abdullah, Nur Alia Qaytrina Abdullah, Lilian Baun Pulo, Flin Lovinia Ak Hussein

Barisan Tengah Dari Kiri / Centre from Left:

Suzanna Abdullah, Azriana Enna Bong, Zuwahir Ilias, Norayah Adenan, Adelin Mohd Adenan, Norfaezan Abdul Jalil, Muhammad Anwar Adenan, Awg Yunos Awg Husain, Sofina Tan Sofian Tan

Barisan Belakang, Dari Kiri / Last Row, From Left:

Mohamad Rasyeddin Abdul Karim, Mohd Al-Hafiz Shahdan, Awgku Khalifah Awg Medahi, Kaberi Sinau, Nur Aiman Nicholas Luyoh, Mohamad Nizam Abg Takip, Hisham Mohamed, Yusri Bujang, Mohd Awis Abu Bakar, Mohd Khadzrie Mohd Ramzie Faizal, Abdul Aziz Hj. Kassim, Abdul Aziz Hj. Bujang



PUSTAKA NEGERI SARAWAK, SIBU

Dari Kiri / From Left:

Ebby Saifullah Suhaimi, Mohd Asraf Abdul Wahab, Aida Suraya Yaseer Samson, Nur Amanina Mastani, Shahrieza Rabaie, Afiza Ibrahim, Nur Faziella Syazmeen Hasli, Fairul Azli Banchit, Arpah Hj Adenan, Fiona Ravia Asing, Nurul Azzila Abdul Rasid, Helizah Rapae, Fatin Fahsha Adenan, Nurfarahatul Aqma Julani, Mohd Tarmizi Malek, Mohd Feizul Median

BALANCED SCORECARD PUSTAKA

PUSTAKA'S BALANCED SCORECARD

Laporan Tahunan Pustaka Negeri Sarawak 2018 dibentangkan dalam empat segmen berikut:

- Maklumat pengurusan
- Laporan aktiviti berdasarkan pencapaian 3 Tema Strategik
- Keupayaan Organisasi
- Laporan Kewangan 2018

Pustaka mula menggunakan pendekatan Balanced Scorecard untuk pengurusan strategik dalam mengenal pasti dan memperbaiki pelbagai fungsi dan proses dalaman pada tahun 2017. 3 Tema Strategik yang dikenal pasti untuk Pustaka adalah seperti berikut:

Pustaka Negeri Sarawak's Annual Report 2018 is presented in the following four segments:

- *Information on the management*
- *Activities Report based on the achievement of 3 Strategic Themes.*
- *Organisational Capacity*
- *Financial Report 2018*

Pustaka started using the Balanced Scorecard approach for strategic management to identify and improve various internal functions and processes in 2017. The 3 Strategic Themes identified for Pustaka are as follows:

KECEMERLANGAN PENGURUSAN ILMU KNOWLEDGE MANAGEMENT EXCELLENCE

Meningkatkan kuantiti dan kepelbagaian sumber maklumat dari 0. hingga 1.5 per kapita menjelang 2020 dan meningkatkan penarafan sumber maklumat.

Increase the quantity and diversity of information resources from 0.2 to 1.5 per capita by 2020 and increase the rating of information resources.

KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN SERVICE EXCELLENCE

Mendapatkan penarafan 5 Bintang pada tahun 2020.

To achieve a 5 Star rated agency by 2020.

KECEMERLANGAN KOLABORASI COLLABORATION EXCELLENCE

Memaksimumkan kolaborasi yang menubuhkan imej Pustaka sebagai pusat rujukan berkesan untuk penduduk negeri Sarawak.

Maximise multi-party synergy to establish the image of Pustaka as an effective centre of reference for the people of Sarawak.

Oleh itu, laporan mengenai program yang dibentangkan dalam Laporan Tahunan 2018 ini dikategorikan mengikut sumbangannya terhadap 3 Tema Strategik. Grafik maklumat berikut untuk memvisualisasikan laporan bagi mendapatkan pemahaman yang lebih mudah.

Hence, the report on programmes presented in this Annual Report 2018 are categorised according to their contributions towards the 3 Strategic Themes.

VISI/VISION

Menjadi wadah maklumat dan pengetahuan kepada negeri Sarawak.

To be the reservoir and fountain of information and knowledge to the State.

MISI/MISSION

Memberi capaian kepada sumber maklumat dan memulihara warisan intelek negeri Sarawak.

To provide access to information resources and to preserve Sarawak's intellectual heritage.

KECEMERLANGAN PENGURUSAN ILMU


KNOWLEDGE MANAGEMENT EXCELLENCE

KADAR PERTUMBUHAN SUMBER-SUMBER MAKLUMAT

GROWTH RATE OF INFORMATION RESOURCES

KOLEKSI MENGIKUT KLASIFIKASI

COLLECTION BY CLASSIFICATION



- Lain-Lain*/Others*
- 300 Sains Sosial/Social Science
- 700 Seni & Rekreasi/Arts & Recreation
- 000 Sains Komputer/Computer Science
- 400 Bahasa/Language
- 800 Kesusasteraan/Literature
- 100 Falsafah/Philosophy
- 500 Sains/Science
- 900 Sejarah & Geografi/History & Geography
- 200 Agama/Religion
- 600 Teknologi/Technology

Lain-Lain*

Merangkumi bahan bersiri, risalah, bahan digital, visual audio dan lain-lain bahan yang tidak dikelaskan di dalam mana-mana subjek/kategori.

Others*


Comprise of items such as serials, pamphlets, digital materials, audio visual and others which are not classified in any of the subject categories mentioned.

Sains Sosial menyumbangkan jumlah terbesar kepada jumlah koleksi dengan 69,652 bahan atau 26% diikuti oleh koleksi dalam kategori lain-lain dengan 49,213 bahan atau 18.6%. Teknologi adalah yang ketiga terbesar dengan 43,091 bahan atau 16.3%. Ketiga-tiga kategori menyumbang kepada 61% daripada koleksi keseluruhan manakala lapan subjek lain hanya menyumbang kepada 39%. Bahan dengan peratus terendah tergolong dalam kelas falsafah sebanyak 6,257 atau 2%.

Social Science contributed to the largest number of the total collection with 69,652 items or 26%, followed by collection in other categories with 49,213 items or 18.6%. Technology (Applied Science) is the third largest with 43,091 items or 16.3%. These three categories contributed to 61% of overall collection while the other eight subject fields only contributed 39%. Items with the lowest percent belong to class of philosophy with only 6,257 items or 2%.

PEROLEHAN SUMBER- SUMBER MAKLUMAT

ACQUISITION OF INFORMATION RESOURCES



Perolehan Bahan Perpustakaan/Acquisition of Library Materials

Penyumbang terbesar kepada pertumbuhan sumber maklumat di Pustaka ialah pemindahan bahan arkib dan rekod dari agensi-agensi kerajaan. Aktiviti ini menyumbang sejumlah 251,457 rekod atau 72% daripada jumlah kadar pertumbuhan sumber maklumat. Ia kemudian diikuti oleh aktiviti pemikrofileman dengan jumlah 42,681 atau 12% mikrofilem yang dihasilkan dalam pertumbuhan sumber maklumat. Pendigitan menyumbang 35,172 salinan digital. Kaedah perolehan lain melalui pembelian, serahan bahan, pewarisan dan hadiah pertukaran hanya menyumbang sebanyak 21,142 atau 6%. Secara keseluruhannya, sejumlah 350,452 bahan diperolehi melalui pelbagai kaedah dan strategi yang menyumbang kepada peningkatan sumber pertumbuhan maklumat.


The biggest contributor to the growth of information resources in Pustaka is the transfer of archives and records from government agencies. This activity contributes a total of 251,457 or 72% records of the total information growth rate. It is then followed by microfilming activity with 42,681 being created or 12% increase in information growth. Digitisation contributes 35,172 digital copies. Other methods of acquisition are through purchasing, legal deposit, bequeath and gift and exchange only contribute a total of 21,142 or 6%. Overall, a total of 350,452 items were acquired through various methods and strategies that contribute to the overwhelming increase of information resources growth.

ANALISIS MENGIKUT KATEGORI KOLEKSI

ANALYSIS BY CATEGORY OF LIBRARY COLLECTION

Sehingga 31 Disember 2018 sejumlah 264,673 bahan telah didaftarkan dalam sistem perpustakaan ANGKA.sa2 sebagai koleksi perpustakaan Pustaka keseluruhan. Terdapat 128 kategori koleksi yang dicatatkan dalam sistem perpustakaan ANGKA.sa2. Jumlah terbesar dimiliki oleh koleksi dalam Bahasa Inggeris dengan 113,107 atau 43% daripada koleksi. Ia kemudian diikuti oleh lain-lain sebanyak 31,811 bahan atau 12%. Bahasa Melayu adalah di tempat ketiga tertinggi dengan jumlah sebanyak 22,143 bahan atau 8.4%. Seterusnya koleksi kanak-kanak sebanyak 21,104 bahan atau 8% kemudian koleksi khas (*Special Collection*) dengan jumlah 15,588 bahan atau 6%. Daripada 128 koleksi, terdapat 38 koleksi berada di luar kawasan Pustaka. Koleksi ini terdiri daripada perpustakaan desa dan perpustakaan bergerak. Bahan ini masih diambil kira dalam koleksi keseluruhan Pustaka. Terdapat 22,622 bahan dalam kategori ini. 242,051 bahan sebenarnya disimpan di Pustaka.

As of 31 December 2018 a total of 264,673 items were registered in the ANGKA.sa2 library system as the library collection of Pustaka. There are 128 categories of collections recorded in the ANGKA.sa2 library system. A sizeable number are publications in English with 113,107 items or 43% of collections. It is then followed by others with 31,811 items or 12%. The Malay collections contribute 22,143 or 8.4%. However, children collections contribute with 21,104 items or 8%. Out of the 128 categories of collections, 38 collections are located out of Pustaka, which are kept at the village and mobile libraries. Despite their offsite locations, these items are still accounted for in Pustaka's overall collections. There are 22,622 items in these categories. 242,051 items are actually held in Pustaka.



- Bahasa Melayu/Malay
- Bahasa Inggeris/English
- Bahasa Cina/Chinese
- Kanak-Kanak/Children
- Remaja/Teen
- Koleksi Khas/Special Collection
- Hadiah & Pertukaran/Gift & Exchange
- Serahan Bahan/Legal Deposit
- Penerbitan Kerajaan/Government Publication
- 38 Perpustakaan Desa & Perpustakaan Bergerak/38 Rural Library & Mobile Library
- Lain-lain/Others


KOLEKSI KHAS

SPECIAL COLLECTION

Pada tahun 2018, sejumlah 27 bahan baru diperolehi melalui kaedah pembelian. Bahan-bahan yang telah dibeli termasuk 7 lukisan, 2 tekstil, 16 buku (3 judul) dan 2 majalah.

In 2018, a total of 27 new items were acquired by Special Collection Unit through purchasing. Items purchased include 7 paintings, 2 textiles, 16 books (3 titles) and 2 magazines.

Jumlah Perolehan Koleksi Sarawakiana 2018 Total Acquisition of Sarawakiana Collections 2018





■ MIGRATED ARCHIVES

Projek "Migrated Archives" ini dijalankan bagi mendapatkan kembali rekod-rekod Sarawak yang berada dalam simpanan institusi kearkiban di luar Sarawak atau Malaysia. Rekod berkenaan adalah di *Sarawak Records from United States of America (Kuching US Consulate State Department and CIA Records at College Park, MD Repository, US National Archives)* dan di Arkib Negara Australia.

The "Migrated Archives" project is an initiative to retrieve Sarawak records which are preserved in archive institutions outside of Sarawak or Malaysia. The migrated archives were Sarawak Records from the United States of America (US Consulate State Department and CIA Records at College Park, MD Repository, US National Archives) and in the Australian National Archives.



MIGRATED ARCHIVES PROJECT 2018

Jumlah Rekod
Projek "Migrated
Archives"
*Total Records
Migrated Archives
Project*

2,778



KEMPEN 1 FAIL 1 MINGGU *1 FILE 1 WEEK CAMPAIGN*

Kempen 1 Fail 1 Minggu merupakan inisiatif bagi memberi panduan kepada Pegawai Rekod Jabatan sebelum memindahkan rekod ke Repositori Rekod Negeri. Sebanyak 10 kempen telah dijalankan dan dihadiri oleh 300 orang peserta. Hasil daripada kempen ini, sebanyak 19,245 rekod telah berjaya dipindahkan oleh jabatan/agensi kerajaan sepanjang 2018.

1 File1Week Campaign is an initiative that provides guidance to the Department of Records Officer before transferring records to the State Records Repository. A total of 10 campaigns were conducted and attended by 300 participants. As a result of these campaign, 19,245 records were successfully transferred by the government departments throughout 2018.






PEMINDAHAN REKOD & BAHAN ARKIB TRANSFER OF RECORDS & ARCHIVES

Sebanyak 157,573 rekod telah berjaya dipindahkan oleh 24 jabatan kerajaan di negeri Sarawak pada tahun 2018.

A total of 157,573 records have been successfully transferred by 24 government departments in Sarawak in 2018.

STATISTIK PEMINDAHAN REKOD & BAHAN ARKIB RECORD TRANSFER & ARCHIVES STATISTICS





PENYERAHAN BAHAN-BAHAN TERBITAN
LEGAL DEPOSIT

Penyerahan bahan-bahan terbitan merupakan satu keperluan di bawah undang-undang yang memperuntukkan setiap penerbit dan penulis menyerahkan bahan terbitan mereka kepada Pusat Serahan Dalam Negeri di mana terbitan tersebut dilakukan. Tujuan utama penyerahan bahan adalah untuk memastikan agar khazanah penulisan di negeri ini dapat dipelihara bukan sahaja untuk kegunaan penyelidik dan cendekiawan hari ini tetapi juga untuk generasi yang akan datang.


Legal Deposit is a statutory provision, which obliges publishers to deposit copies of their publications in libraries in the country in which they are published. The main purpose is to preserve the nation's literary heritage and make them accessible for present and future generations.



63 Aktiviti Penguatkuasaan
Enforcement Activities

71 Jabatan Kerajaan
Government Departments

123 Peserta
Participants



Penerimaan bahan terbitan dari Januari hingga Disember 2018. Jumlah penerimaan tertinggi adalah merupakan Sarawak Government Gazette iaitu sebanyak 832 naskah. Pada keseluruhannya terdapat 488 judul dan 2,298 naskah bahan yang telah diterima di bawah keperluan penyerahan bahan-bahan terbitan SSLO 1999 pada tahun 2018.

The graph shows the receipt of the published materials for January-December 2018. The highest amount received is the Sarawak Government Gazette of 832 copies. Overall, 488 titles and 2,298 copies were received under the SSLO 1999 requirement in 2018.

SEJARAH LISAN ORAL HISTORY

Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana memoir seseorang tokoh dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman peribadi, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Koleksi Sejarah Lisan di Pustaka bermula sejak tahun 2002. Setakat tahun 2018, terdapat **lima puluh tiga (53) koleksi Sejarah Lisan** di Pustaka Negeri Sarawak.

Oral history is a method in which the memoirs of a person is recorded. The chosen individuals are usually those who can contribute historical information from their own involvement and experience, or because of their direct contact with certain characters, times or events. The information obtained from the interview is then transcribed and can be used as a teaching and research material. Oral History Collections in Pustaka started since 2002. In 2018, there were about fifty three (53) Oral History Collections in Pustaka.



Sesi Sejarah Lisan bersama YBhg. Datuk Wan Abu Bakar Tuanku Muhammad telah diadakan pada 6 September 2018 bertempat di kediaman beliau. Sesi wawancara tersebut telah dikendalikan oleh Encik Japri Bujang Masli.

Oral history session with YBhg. Datuk Wan Abu Bakar Tuanku Muhammad was held on 6th September 2018 at his residence. The session was conducted by Mr. Japri Bujang Masli.

Sesi Sejarah Lisan untuk Projek Darul Hana tentang Sejarah Kampung Pulo Ulu bersama Tuan Haji Muhamad bin Kassim dan Encik Bujang Ismawi bin Wen yang telah diadakan pada 20 Disember 2018 bertempat di kediaman Tuan Haji Muhamad. Sesi wawancara ini telah dikendalikan oleh Encik Izaruddin Moss.

Oral history session for Darul Hana Project was about History of Kampung Pulo Ulu, interview held on 20 December 2018 at Tuan Haji Muhammad's residence. The session was conducted by Mr. Izaruddin Moss.



KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN

SERVICE EXCELLENCE

PENGGUNAAN SUMBER MAKLUMAT

INFORMATION RESOURCES UTILIZATION RATE

JUMLAH PENGGUNAAN SUMBER MAKLUMAT PADA TAHUN 2018

TOTAL NUMBER OF INFORMATION RESOURCES USED IN 2018



382,160

* Jumlah penggunaan sumber maklumat di Pustaka Negeri Sarawak (Kuching dan Miri) dan Repositori Rekod Negeri.
* Total number of information resources used at Pustaka Negeri Sarawak (Kuching and Miri) and State Record Repository.

PURATA PENGGUNAAN SUMBER MAKLUMAT PADA TAHUN 2018


AVERAGE USAGE OF INFORMATION RESOURCES IN 2018



8.83

* Jumlah purata penggunaan sumber maklumat di Pustaka Negeri Sarawak (Kuching dan Miri) dan Repositori Rekod Negeri.
* Average usage of information resources by library users at Pustaka Negeri Sarawak (Kuching and Miri) and State Record Repository.

PINJAMAN BAHAN PERPUSTAKAAN | LIBRARY BORROWINGS



2018

281,214

* Jumlah buku-buku fizikal yang dipinjam di Pustaka Negeri Sarawak (Kuching dan Miri).
* Total numbers of physical books at Pustaka Negeri Sarawak (Kuching and Miri).

AKSES DIGITAL | DIGITAL ACCESS



2018

49,503

* Jumlah muat turun dari laman web Pustaka Negeri Sarawak, pangkalan data yang dilanggan, e-book, portal Sarawakiana, ARMS dan portal Setem.
* Number of downloads from Pustaka's website, subscribed online databases, e-book, Sarawakiana portal, e-Sarawak Gazette, ARMS, & Stamp portal.

PENGGUNAAN DALAMAN | *ONSITE USAGE*



2018

23,592

* Jumlah penggunaan bahan perpustakaan dalam Pustaka Negeri Sarawak (Kuching dan Miri).
* *Onsite usage of library materials of Pustaka Negeri Sarawak (Kuching and Miri).*

SOALAN RUJUKAN YANG DITERIMA DAN DIJAWAB
REFERENCE ENQUIRIES RECEIVED & FULFILLED



2018

9,319

* Jumlah soalan rujukan yang diterima dan dijawab di Pustaka Negeri Sarawak (Kuching dan Miri) dan Repositori Rekod Negeri.
* *Number of reference enquires received and fulfilled at Pustaka Negeri Sarawak (Kuching and Miri) and State Record Repository.*

PINJAMAN PUKAL | *BULK LOAN*



Agensi | *Agencies*

23

Bahan Perpustakaan | *Library Materials*

18,405

* Jumlah agensi dan buku yang telah dipinjam dengan menggunakan perkhidmatan pinjaman pukal.
* *Number of agencies & books borrowed under the bulk loan service.*

PINJAMAN ANTARA PERPUSTAKAAN | *INTER LIBRARY LOAN*



Pemohonan diterima dan dibekalkan
Requests received and supplied

83

Bahan perpustakaan yang diterima dari perpustakaan lain
Library materials received from other libraries

44

* Jumlah pinjaman antara perpustakaan di Pustaka Negeri Sarawak (Kuching dan Miri) dan Repositori Rekod Negeri.
* *Number of interlibrary loan at Pustaka Negeri Sarawak (Kuching and Miri) and State Record Repository.*

JUMLAH KEAHLIAN AKTIF 2018/ *TOTAL ACTIVE MEMBERS 2018*



43,272

* Jumlah keahlian aktif Pustaka Negeri Sarawak (Kuching dan Miri).
* *Number of active members for Pustaka Negeri Sarawak (Kuching and Miri).*


PEMULIHARAAN BAHAN ARKIB
CONSERVATION OF ARCHIVE MATERIALS

119 bahan arkib seperti buku nadir, surat khabar dan album foto telah dipulihara dan dapat digunakan sebagai bahan rujukan penyelidik dan orang awam.

119 archival materials such as rare books, newspapers, and photo album were conserved and can be used as reference materials for researchers and users.



STATISTIK PEMULIHARAAN BAHAN ARKIB 2018
STATISTICS ON CONSERVATION OF ARCHIVES 2018



PERKHIDMATAN PENGWASAPAN
FUMIGATION SERVICE



Perkhidmatan pengwasapan telah dijalankan di Pustaka pada tahun 2018 dan di sembilan agensi kerajaan di Sarawak. Sebanyak 2,621 fail yang ada di *State Records Repository* telah melalui proses pengwasapan manakala 55,800 fail lagi merupakan fail dari sembilan agensi.

In 2018, fumigation service was conducted at the Sarawak Records Repository and nine government agencies in Sarawak. A total of 2,621 files in the State Records Repository have gone through the fumigation process while 55,800 files were from Sarawak State agencies.

Pengwasapan dilakukan di Repositori Rekod Negeri
Fumigation undertaken at State Records Repository

2,621 FAIL FILES

Di jabatan-jabatan lain
At other agencies


55,800 FAIL FILES

PERKHIDMATAN PENDIGITAN DAN MIKROFILEM NEGERI STATE DIGITISATION AND MICROFILM SERVICE


Jabatan Ketua Menteri menjadi agensi pertama yang menggunakan perkhidmatan mikrofilem pada tahun 2018. Sebanyak lapan unit telah terlibat dan 42,664 rekod penting kerajaan telah berjaya dipelihara dalam bentuk mikrofilem.

The Chief Minister's Department became the first agency to use the microfilm service in 2018. Eight units were involved and 42,664 important government records were successfully preserved in the form of microfilms.

MIKROFILEM/ MICROFILM



PENDIGITAN/ DIGITISATION




42,664

Rekod mikrofilem/Records microfilmed

35,152

Rekod didigitkan/Records digitized


PENGGUNAAN KOLEKSI ARKIB DAN SARAWAKIANA USAGE OF ARCHIVES AND SARAWAKIANA COLLECTIONS




Sepanjang tahun 2018, sebanyak 644 judul telah dirujuk oleh pengguna. Penggunaan tertinggi adalah rekod-rekod jabatan dimana sebanyak 387 judul (60%) telah dirujuk diikuti dengan *Migrated Archives* dengan 169 judul (26%), koleksi *Brooke Trust* berjumlah 57 judul (9%) dan koleksi Sarawakiana dengan 31 judul (5%)

In 2018, 644 titles were referred by users. The highest usage of collections were departmental records with total of 387 titles (60%) followed by Migrated Archives with 169 titles (26%), Brooke Trust's 57 titles (9%) and Sarawakiana collections with 31 titles (5%).

STATISTIK AKTIVITI PENGURUSAN REKOD STATISTIC OF RECORD MANAGEMENT ACTIVITIES



LAWATAN KHIDMAT NASIHAT PENGURUSAN REKOD RECORDS MANAGEMENT ADVISORY VISITS



**LAWATAN KHIDMAT NASIHAT
PENGURUSAN REKOD
RECORD MANAGEMENT
ADVISORY VISITS**

Bilangan Lawatan Khidmat Nasihat Pengurusan Rekod yang dijalankan pada tahun 2018.

Number of records management advisory visit session conducted in 2018.




Lawatan khidmat nasihat pengurusan rekod telah diadakan di 17 buah jabatan dan agensi kerajaan negeri sepanjang tahun 2018. Seramai 101 orang pegawai yang bertanggungjawab dalam pengurusan fail dan rekod di jabatan telah terlibat dalam sesi ini.

Records management advisory visit has been conducted in 17 state departments and agencies in 2018. 101 officers in charge in file and records management has been involved in this advisory session.


PENILAIAN REKOD RECORDS APPRAISAL

PENILAIAN REKOD JABATAN STATISTIC ON RECORD APPRAISAL



Sesi penilaian rekod sepanjang tahun 2018.
Records appraisal conducted in 2018.

JUMLAH FAIL UNTUK PENILAIAN REKOD
NUMBER OF FILES FOR RECORD APPRAISAL




Penilaian rekod jabatan telah diadakan sebanyak 13 kali sepanjang tahun 2018. Jumlah fail yang telah dinilai adalah sebanyak 1,940 fail pentadbiran dan fungsian.

13 records appraisal sessions were conducted in 2018. 1,940 administrative and functional files were appraised.

PELUPUSAN REKOD
RECORDS DISPOSAL


PELUPUSAN REKOD AWAM
DISPOSAL OF PUBLIC RECORDS



Bilangan proses pelupusan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2018.

Number of disposal process that has been conducted in 2018.

JUMLAH FAIL UNTUK PELUPUSAN REKOD
TOTAL FILES FOR RECORDS DISPOSAL





Pelupusan rekod jabatan telah dijalankan sebanyak 12 kali pada tahun 2018 melibatkan 1,168 fail dan 218 kotak rekod.
Records disposal has been conducted 12 times in 2018 which is involving 1,168 files and 218 boxes of records.



Sebanyak empat (4) sesi taklimat pengurusan rekod telah dijalankan sepanjang tahun 2018.
4 Records Management briefing were conducted in 2018.



Kursus pengurusan rekod telah dijalankan sekali sahaja pada tahun 2018 tetapi melibatkan beberapa jabatan dibawah pentadbiran Bahagian Kuching dan dihadiri oleh 16 orang pegawai yang menguruskan fail di jabatan.

Records management training was conducted once in 2018 involving few departments under Kuching Division Administration and 16 records officers.

AKTIVITI-AKTIVITI SARAWAKIANA
ACTIVITIES SARAWAKIANA

3 **Ceramah Sarawakiana**
Sarawakiana Talks

161 **Peserta**
Participants

3 **Pameran Sarawakiana**
Sarawakiana Exhibitions

1 **Bengkel Pemuliharaan**
Conservation Workshop

CERAMAH SARAWAKIANA
SARAWAKIANA TALK




PAMERAN SARAWAKIANA
SARAWAKIANA EXHIBITION

BENKEL PEMULIHARAAN
CONSERVATION WORKSHOP



ANALISIS AKSES MENGIKUT KATEGORI KOLEKSI
ANALYSIS OF ACCESS BY COLLECTION CATEGORY



Pada tahun 2018, sebanyak 8,624 hits dicatatkan oleh Portal Sarawakiana dan rekod tertinggi dicatatkan pada bulan November (1,216 hits). E-Sarawak Gazette pula mencatatkan jumlah sebanyak 3,951 hits pada tahun tersebut dan rekod tertinggi juga pada bulan November sebanyak 402 hits.

In 2018, a total of 8,624 hits was recorded by Sarawakiana Portal and the highest hits recorded was in November (1,216 hits). E-Sarawak Gazette recorded a total of 3,951 hits during the same year and the highest hits recorded was also in November (402 hits).

AKTIVITI-AKTIVITI MAKERSPACE
MAKERSPACE ACTIVITIES

58 Jumlah Aktiviti
Number of Activities

JUMLAH PESERTA AKTIVITI-AKTIVITI MAKERSPACE UNTUK TAHUN 2018
BENEFICIARIES OF MAKERSPACE ACTIVITIES FOR YEAR 2018

12,136 Jumlah Peserta
Number of Beneficiaries



PENAMBAHBAIKAN SISTEM ICT UNTUK MEMPERKASA PERKHIDMATAN
UPGRADED ICT SYSTEMS TO IMPROVE SERVICE DELIVERY

Pada 2018, Bahagian Pembangunan Aplikasi & Laman Web telah membangunkan LIMA (5) sistem, aplikasi dan laman web untuk membantu memudahkan perkhidmatan dalaman di Pustaka. Sistem aplikasi ini dibangunkan secara 'in-house', sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada pembangun sistem pihak ketiga. Ini seterusnya mengurangkan kos. Sistem aplikasi ini telah dibangunkan mengikut permintaan yang dibuat oleh semua sektor di dalam Pustaka. Sistem aplikasi yang dibangunkan ialah:

1. Record Management Audit Assessment System
2. Pustaka Photobank
3. Memperbaiki e-Recruitment System Pustaka
4. Laman web IFLA SATELLITE MEETING 2018 : Indigenous Matters
5. Pustaka ISO

In 2018, the Website and Web Application Development Division developed FIVE (5) systems, applications and websites to help facilitate internal services in Pustaka. These application systems were developed in-house, thus reducing dependency on third-party developers. This further reduces costs. These application systems were developed on demands made by all sectors within Pustaka. The application systems developed were:


1. Record Management Audit Assessment System
2. Pustaka Photobank
3. Enhance e-Recruitment System Pustaka
4. IFLA SATELLITE MEETING 2018 : Indigenous Matters Website
5. Pustaka ISO

KECEMERLANGAN KOLABORASI

COLLABORATION EXCELLENCE

PENILAIAN MANFAAT KERJASAMA (BERDASARKAN SKALA (1-5))

BENEFICIARY SATISFACTION RATING (BASED ON SCALE 1 – 5)



- Suku Ke-1 / 1st Quarter
- Suku ke-3 / 3rd Quarter
- Suku Ke-2 / 2nd Quarter
- Suku ke-4 / 4th Quarter

Penilaian ini adalah maklum balas kepuasan pelanggan dengan program yang dijalankan dan mengenal pasti cadangan untuk penambahan.

This is evaluation/feedback on customer's satisfaction on programmes implemented by Pustaka, and to identify recommendations for improvements.

Borang Penilaian Maklum Balas
Beneficiaries Satisfaction Rating Form



SARAWAK CHILDREN'S FESTIVAL

Sarawak Children's Festival telah diadakan selama dua hari iaitu pada 27 dan 28 April 2018 bermula pada pukul 10:00 pagi sehingga 5:00 petang di Pustaka Negeri Sarawak. Sarawak Children's Festival terbuka kepada kanak-kanak yang berusia 4 tahun sehingga 12 tahun termasuk ibu bapa dengan kemasukan percuma. Seramai 6000 pengunjung termasuk ibu bapa yang telah hadir menemani anak masing-masing untuk menyertai program ini pada tahun 2018. Antara aktiviti yang telah dijalankan untuk karnival tersebut adalah sesi bercerita oleh pencerita dari luar negeri dan dalam negeri, aktiviti sains dan teknologi, belajar, persembahan oleh kanak-kanak dan banyak lagi aktiviti menarik yang telah diadakan pada dua hari tersebut.

Sarawak Children's Festival was held for two days on 27 and 28 April 2018 from 10:00 am to 5:00 pm at the Sarawak State Library. The Sarawak Children's Festival targeted children aged 4 to 12 years old including their parents with free entry. A total of 6000 visitors including parents participated in the programme for the year 2018. Amongst the activities conducted were storytelling sessions by local and international storytellers, science and technology activities, presentations by the children and many more other activities.





JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT, 24 APRIL 2018

*LET'S READ TOGETHER
FOR 10 MINUTES, 24TH
APRIL 2018*

Program ini telah diperkenalkan sejak tahun 2014, inisiatif oleh Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia. Program ini merupakan langkah membentuk masyarakat membaca. Program ini telah dilaksanakan pada 23 April 2018 (Selasa) bersamaan 18 Syaaban 1440H dari jam 11:00 - 11:10 pagi secara serentak di seluruh Malaysia dengan konsep berhenti Sebarata dan membaca selama 10 minit.

This programme was introduced since 2014, initiated by the Council of State Public Library Directors, Malaysia. This programme is a symbol of support from the state libraries together with the government to improve reading culture amongst the people. In 2018, Let's Read Together was held on 24th April 2018, Tuesday from 11:00 to 11:10 am simultaneously all over Malaysia.

RINGKASAN STATISTIK AKTIVITI DAN PESERTA STATISTICAL SUMMARY OF ACTIVITIES AND BENEFICIARIES



107 Rakan Kerjasama
Smart Partners

69 Program Kerjasama Yang Diusahakan
Approved Collaboration Programmes

2018	Jumlah Program / Total of Programmes	Peserta / Beneficiaries
Ceramah Komuniti / Community Talk	41	4,438
Program Jangkauan Ilmu / Outreach Programme	64	9,217
Bacaan Kegemaran Saya / My Favorite Read	13	1,575
Pemantauan Perpustakaan Desa / Monitoring Village Library	18	-
Sudut America / American Corner	23	6,336
Lawatan / Visits	59	2,632
Aktiviti Musim Cuti Sekolah / School Holiday's Activities	72	1,606
Sudut Belia / Youth Corner	7	5,640
Aktiviti Golongan Khas / Special Needs Activities	6	747
Perkemahan Ilmu / Knowledge Camp	2	134
Sarawak Children's Festival	2	11,000
Bengkel / Workshop	1	21
Sarawak Authors Festival	17	6,686
Pengurusan Rekod / Records Management	29	468
Mesyuarat / Meetings	3	16
Lain-Lain / Others	127	31,909
Jumlah / Total	484	82,425

RAKAN ARKIB

FRIENDS OF ARCHIVES (FOA)

60 orang telah berdaftar sebagai ahli *Friends of Archives (FOA)* pada tahun 2018. Menjadikan ahli terkumpul adalah seramai 184 orang. Beberapa program telah dijalankan seperti *Rescue Government Records and Archives Programme (REGRAP)*. Hasil kerjasama ini, ahli FOA telah membantu melakukan pemrosesan bahan arkib terutamanya fail-fail yang dipindahkan oleh pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak. Hasil dari kerjasama FOA, sebanyak 341 fail telah berjaya di proses dan dipindahkan ke Repositori Rekod Negeri.

60 persons registered as members of the Friends of Archives (FOA) on 2018. There are 184 total members as at December 2018. Some programmes were organised e.g. Rescue Government Records and Archives Programme (REGRAP). As a result of this collaboration, members of the FOA helped to process archival materials primarily files transferred by Ministry of Local Government and Housing, and Sarawak Economic Development Corporation (SEDC) As a result of the FOA cooperation, 341 files successfully processed and transferred to State Records Repository.

JUMLAH RAKAN ARKIB

TOTAL MEMBERS OF FRIENDS OF ARCHIVES



184

Ahli / Members

PESERTA PROGRAM MAKERSMEET 2018

BENEFICIARIES OF MAKERSMEET 2018

4,003 Jumlah Perekapita dan Peserta
Number of Makers and Participants



KAPASITI ORGANISASI

ORGANISATION CAPACITY

AKTIVITI 6 NILAI BERSAMA

6 SHARED VALUES ACTIVITIES

Six Shared Values Index **80%**
 Index Enam Nilai Bersama



Hari Inovasi dan Integriti pada 27 & 28
 November 2018 / Innovation and Integrity
 Day on 27th and 28th November 2018.

Integriti/
 Integrity

3 Program
 Programmes

Program Penanaman
 Pokok 2018 pada 22
 Januari 2018 /
 Tree Planting 2018 on
 22nd January 2018

Baik Hati & Prihatin
 Kind & Caring

9

Penghargaan diterima oleh Staf
 Compliments Received on Staff



Coffee Morning Pustaka

Semangat Bersegera dan
 Semangat Kepunyaan
 Sense of Urgency and Ownership

5 Program
 Programmes





Laman Komuniti Pustaka /
Pustaka Community Farming

Semangat
Berasukan
Team-Spirit

8 Program
Programmes



Pelan Strategik / Strategic Planning 2018

Berorientasikan Hasil/Result Oriented

9 Program
Programmes

PAPERS AND POSTERS

Accepted Papers

Community Readiness for Digital Economy: Libraries and Community Engagement by Dr. Rashidah Haji Bolhassan

Promoting Public Internet Access in Libraries – Examples from Sarawak by Wan Mazli Wan Razali

Wear The Past In The Present For The Future by Puspa Diana, Muhammad Annwar Adenan and Japri Bujang Masli

Web Archiving Issues And Challenges In State Government Of Sarawak (Malaysia): Do They Really Need Their Website To Be Archived? by Jassalini Jamain, Ayu Lestari Yahya, Musa Ayub Abdul Rahman and Natalia Muhamad

Peji, Peju, Pejoh: Indigenous Literacy To The Kayan by Salina Zawawi, Norlailawaty Ismail and Siti Khairunnisa Rosli

Accepted Posters

Indigenous Voices In The Land of The Headhunters: Local Content Development of Sarawak's Northern Region Poster presentation by Mohd Awis Abu Bakar, Ahmad Samsudin and Lilian Baun Pulo

Library Boulevard Poster

Poster 1:
Sarawakiana Digital & Retrieval System (SDRS)

Poster 2:
e-Terbit Sarawak (e-TerbitS)

Poster 3:
1 File 1 Week Campaign

Poster 4:
Human and Machine Interactive Dialogue (HAMID)

Poster 5:
Pustaka, Your Knowledge Partner



World Library
and Information
Congress 84th
IFLA General
Conference and
Assembly 2018 at
Kuala Lumpur


21 orang staf telah dihantar untuk menyertai konferen ini/
21 staffs was sent to participate

Profesionalisme
Professionalism


4 Program
Programmes




Jam Latihan yang Dicapai bagi Tahun 2018 Training Hours Achieved in 2018



Jenis Latihan Types of Training



Bilangan Latihan 2018 Number of Training 2018



STATUS STAF SEHINGGA 31 DISEMBER 2018

EMPLOYEE STATUS AS AT 31ST DECEMBER 2018

Penempatan/Campus	Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) JBC Post		Kontrak/Contract		Jumlah/Total
	P&P	Support	P&P	Support	
Kuching	23	62	-	4	89
Miri	5	26	-	2	33
SRR	13	16	-	2	31
Sibu	5	13	-	-	18
Jumlah/Total	46	117	0	8	171

PENGHARGAAN KEPADA RAKAN KERJASAMA & RAKAN PINTAR

ACKNOWLEDGEMENT TO OUR COLLABORATORS & SMART PARTNERS

1	American Corner Sarawak
2	Angkatan Zaman Mansang (AZAM) Sarawak
3	Arkib Negara Malaysia
4	City One Mega Mall
5	Danawa Resources Sdn. Bhd.
6	Dewan Bahasa Dan Pustaka
7	Dewan Bandaraya Kuching Utara
8	Dewan Undangan Negeri
9	Dewanita
10	Friend of Archives
11	Friends of Library
12	Harwood Timber Sdn. Bhd.
13	Heart Treasures Sdn. Bhd.
14	ICTU JKM
15	Institut Pendidikan Guru Kampus Batul Lintang Dan Samarahan
16	Islamic Information Centre
17	JKR
18	Jabatan Audit Negara Malaysia
19	Jabatan Hutan
20	Jabatan Kebajikan Negeri Sarawak
21	Jabatan Ketua Menteri Sarawak
22	Jabatan Pendidikan Sarawak
23	Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak
24	Kumpulan Laman Komuniti Pustaka
25	Local Government Council Development
26	MAMPU
27	MPAM
28	MPC
29	Ministry of Education, Science and Technological Research
30	Muzium Sarawak
31	Normah Medical Specialist Centre
32	PERKATA
33	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak

34	Perbadanan Perusahaan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak
35	Perpustakaan Negara Malaysia
36	Program Pemulihan Dalam Komuniti
37	Persatuan Karyawan Sastera Sarawak (PEKASA)
38	Persatuan Penulis Sarawak (Penulis)
39	Persatuan Pustakawan Malaysia
40	Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sarawak
41	Pink Aerobik
42	Port Dango
43	Sarawak Craft Council
44	Sarawak General Hospital
45	Sarawak Heritage Society
46	Sarawak Information System Sdn Bhd (SAINS)
47	Sedidik, SEDC
48	Semua Media Cetak dan Media Electronik
49	Setiasaha Kewangan Negeri
50	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
51	Swinburne
52	TEGAS
53	Ted X Kenyalang
54	Tun Jugah Foundation
55	UNIMAS
56	US Embassy Kuala Lumpur
57	UiTM Sarawak
58	Unit Audit Dalam, JKM
59	Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding, JKM
60	Unit Permodenan Perkhidmatan Negeri
61	Unit Protokol dan Perhubungan Awam
62	Unit Sumber Manusia Negeri
63	Yayasan Salam
64	Mereka Yang Terlibat Secara Tidak Langsung Dalam Menjayakan Program dan Aktiviti Pustaka 2018

PENYATA KEWANGAN 2018

FINANCIAL STATEMENT 2018

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

KANDUNGAN

Muka Surat	Perkara
50	SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN
50	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB
51	PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGURUSAN
52	PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
53	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
57	PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
58	PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
59	PENYATA PERUBAHAN EKUITI
60	PENYATA ALIRAN TUNAI
61	NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN

PENGERUSI	: YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo
TIMBALAN PENGERUSI	: YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani Setiausaha Kerajaan Negeri
AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN	: YBrs. Dr. Haji Abdul Rahman Deen : YBhg. Dato’ Nafisah Binti Ahmad Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia : YBhg. Datuk Alfred Yap Chin Loi : YBrs. Dr. Rita Manurung : YBrs. Prof. Madya Dr. Shahren Ahmad Zaidi Adruce Universiti Malaysia Sarawak
AHLI EX-OFFICIO	: YBhg. Datu William Patrick Nyiyor Pengarah Unit Sumber Manusia Negeri

PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	: Dr. Rashidah Haji Bolhassan Ketua Pegawai Eksekutif
ALAMAT BERDAFTAR	: Jalan Pustaka Off Jalan Stadium Petra Jaya 93250 Kuching Sarawak
JURUAUDIT	: Ketua Audit Negara
BANK UTAMA	: RHB (Malaysia) Berhad Jalan Kulas 93400 Kuching

PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGURUSAN

Kami, TAN SRI DATUK AMAR (DR.) HAJI HAMID BUGO dan PROF. DR. SHAHREN AHMAD ZAIDI ADRUCE yang merupakan penerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengurusan PUSTAKA NEGERI SARAWAK, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengurusan, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PUSTAKA NEGERI SARAWAK pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.


Bagi pihak Lembaga Pengurusan,

Bagi pihak Lembaga Pengurusan,



TAN SRI DATUK AMAR (DR.) HAJI
HAMID BUGO

Pengerusi
Lembaga Pengurusan



PROF. DR. SHAHREN AHMAD ZAIDI
ADRUCE

Ahli
Lembaga Pengurusan

KUCHING, SARAWAK.

Tarikh: 01 NOV 2019


KUCHING, SARAWAK.

Tarikh: 01 NOV 2019


PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, DR. RASHIDAH HAJI BOLHASSAN (610429-13-5070) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan PUSTAKA NEGERI SARAWAK, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di KUCHING, SARAWAK
pada.....haribulan.....2019
01 NOV 2019



Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH

Suites 8.21 & 8.22
Hock Kui Commercial Centre
Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce
9 3 1 5 0 Kuching





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PUSTAKA NEGERI SARAWAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 9 hingga 30.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pustaka Negeri Sarawak pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan *The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance, 1995* serta *The Sarawak State Library Ordinance, 1999*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pustaka Negeri Sarawak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengurusan Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengurusan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan *The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance, 1995* serta *The Sarawak State Library Ordinance, 1999*. Lembaga Pengurusan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak, Lembaga Pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pustaka Negeri Sarawak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pustaka Negeri Sarawak.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengurusan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengurusan, dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pustaka Negeri Sarawak sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Pustaka Negeri Sarawak memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan *The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance, 1995* serta *The Sarawak State Library Ordinance, 1999*, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Ordinan untuk disimpan oleh Pustaka Negeri Sarawak telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Ordinan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengurusan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TOIEYAH BINTI HAJI TIOH)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KUCHING

TARIKH: 08 NOV 2019



**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018**

	Nota	2018 RM	Dinyatakan semula 2017 RM
Aset Bukan Semasa			
Loji dan peralatan	7	24,735,307	15,788,386
Aset Semasa			
Tunai dan kesetaraan tunai	8	44,559,773	41,222,437
Penghutang dan prabayaran	9	951,641	812,520
Jumlah Aset Semasa		45,511,414	42,034,957
Jumlah Aset		70,246,721	57,823,343
Ekuiti			
Surplus terkumpul		19,379,926	13,938,038
Rizab modal		283	283
Jumlah Ekuiti		19,380,209	13,938,321
Liabiliti Bukan Semasa			
Manfaat pekerja	12	338,701	270,123
Liabiliti Semasa			
Pemiutang	10	5,132,407	3,140,693
Pendahuluan daripada Kerajaan Negeri	11	45,395,404	40,474,206
Jumlah Liabiliti Semasa		50,527,811	43,614,899
Jumlah Liabiliti		50,866,512	43,885,022
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		70,246,721	57,823,343

Nota-nota pada muka surat 61-77 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	Nota	2018 RM	Dinyatakan semula 2017 RM
Hasil kendalian	13	82	50
Lain-lain hasil	14	2,023,491	1,889,092
Geran Kerajaan Negeri	15	33,452,843	25,959,572
Kos pekerja	16	(10,834,702)	(10,028,682)
Susut nilai	7	(947,600)	(783,323)
Lain-lain kos operasi	17	(18,252,226)	(16,367,326)
Surplus bersih daripada operasi		<u>5,441,888</u>	<u>669,383</u>

Nota-nota pada muka surat 61-77 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	Rizab Modal RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2018	283	13,938,038	13,938,321
Surplus bersih untuk tahun semasa	-	5,441,888	5,441,888
Pada 31 Disember 2018	<u>283</u>	<u>19,379,926</u>	<u>19,380,209</u>
	Rizab Modal RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2017	283	13,268,655	13,268,938
Surplus bersih untuk tahun semasa	-	669,383	669,383
Pada 31 Disember 2017	<u>283</u>	<u>13,938,038</u>	<u>13,938,321</u>

Nota-nota pada muka surat 61-77 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	Nota	2018 RM	Dinyatakan semula 2017 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Surplus dari operasi		5,441,888	669,383
Pelarasan untuk:			
Geran pembangunan		(4,936,223)	(3,959,572)
Peruntukan manfaat pekerja		68,578	78,756
Susut nilai loji dan peralatan		947,600	783,323
Pendapatan faedah		(1,722,871)	(1,541,750)
Kerugian daripada aset tetap yang dilupuskan		-	3,207
Perubahan dalam aktiviti operasi lain		-	1,240
<i>Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja</i>		<i>(201,028)</i>	<i>(3,965,413)</i>
(Penambahan)/kurangan dalam penghutang dan prabayaran		(139,121)	391,807
Penambahan dalam pemiutang		1,991,714	479,818
<i>Tunai bersih dari/(digunakan dalam) aktiviti operasi</i>		<i>1,651,565</i>	<i>(3,093,788)</i>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pengeluaran deposit tetap		-	13,229,234
Penempatan deposit tetap		(1,713,664)	-
Faedah diterima		1,722,871	1,541,750
Pembelian loji dan peralatan		(9,894,521)	(12,668,929)
Geran pembangunan diterima		9,857,421	4,700,000
<i>Tunai bersih (digunakan dalam)/dari aktiviti pelaburan</i>		<i>(27,893)</i>	<i>6,802,055</i>
Penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		1,623,672	3,708,267
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		13,334,750	9,626,483
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	8	14,958,422	13,334,750

Nota-nota pada muka surat 61-77 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1. AKTIVITI UTAMA

Di bawah “Sarawak State Library Ordinance, 1999 – (Chapter 19)” Pustaka Negeri Sarawak (Pustaka) berperanan seperti berikut:-

- (a) Menyediakan maklumat terkini, tepat, sesuai dan mudah diakses dalam pelbagai format sebagai bahan utama untuk perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial Negeri dan warganya.
- (b) Membangun dan menyumbang kepada pangkalan data bibliografi yang sesuai dengan bahan rujukan yang diterbitkan di Sarawak.
- (c) Menjadikan Pustaka sebagai pembekal maklumat Negeri Sarawak.
- (d) Menyertai rangkaian perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di peringkat nasional dan antarabangsa.
- (e) Menyediakan persekitaran pembelajaran melalui program dan pameran yang dianjurkan supaya dapat menambah kesedaran tentang kepentingan perkhidmatan maklumat dan mengajar tentang kemahiran penyelidikan maklumat.
- (f) Mengurus dan mentadbir Depositori Negeri serta berfungsi sebagai Pusat Rekod Awam Negeri.
- (g) Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara arkib awam Negeri.
- (h) Mempromosi amalan pengurusan rekod dan arkib Negeri secara efektif dan efisien.
- (i) Menubuhkan, menyelenggara dan mengurus pusat rekod.
- (j) Menyedia latihan dan tunjuk ajar dalam pengurusan rekod awam dan arkib awam.

2. MEMATUHI PIAWAIAN LAPORAN KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pengurusan risiko kewangan Pustaka adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan operasi di samping menguruskan kadar faedahnya dan kecairan. Pustaka beroperasi dengan garis panduan jelas mengikut “*The Sarawak State Library Ordinance, 1999*”. Pustaka juga tidak mengambil bahagian dalam transaksi spekulasi.

(a) Risiko Kadar Faedah

Risiko utama kadar faedah berhubung hutang faedah, memandangkan Pustaka tidak mempunyai jumlah besar aset berfaedah jangka panjang pada 31 Disember 2018. Pelaburan dalam aset kewangan pada lazimnya untuk jangka pendek dan ianya tidak dipegang atas tujuan spekulasi.

(b) Risiko Kecairan

Pustaka sentiasa menguruskan profil hutang matang, aliran tunai operasi dan kesediaan bantuan kewangan untuk memastikan bahawa semua keperluan bayaran balik dan bantuan kewangan dapat dipenuhi. Sebagai pengurusan kecairan berhati-hati, Pustaka telah mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memenuhi permintaan modal kerja. Pustaka juga berusaha untuk mengekalkan kedudukan kecairan pada tahap yang munasabah kepada keseluruhan kedudukan hutangnya.

4. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah.

Pengurusan telah menggunakan anggaran dan andaian dalam mengukur jumlah aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan serta amaun hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh laporan ini. Pertimbangan dan andaian yang digunakan dalam pengukuran, dan dengan itu, keputusan sebenar mungkin kurang bertepatan dengan jumlah yang dilaporkan. Perkara yang melibatkan pertimbangan dan ketidaktentuan anggaran penting dinyatakan dalam Nota 6.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Buku Perpustakaan

Buku perpustakaan tidak dipermodalkan.

(b) Loji Dan Peralatan

Aset nyata operasi yang digunakan untuk lebih daripada satu tempoh perakaunan bagi pengeluaran dan pembekalan barang dan perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran atau disewa kepada orang lain diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan apabila Pustaka memperoleh kawalan aset. Aset, termasuk alat ganti utama, peralatan yang diservis, dan peralatan gantian, dikelaskan ke dalam kelas yang sesuai berdasarkan kepada jenisnya. Sebarang penggantian berikutnya bagi komponen penting dalam aset yang sedia ada dipermodalkan sebagai komponen baru dalam aset dan komponen yang lama tidak lagi diiktiraf.

Semua loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Bagi aset yang dibeli, kos terdiri daripada harga pembelian tambah semua kos langsung yang ditanggung dalam membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan untuk digunakan pihak pengurusan. Bagi aset yang dibina sendiri, kos terdiri daripada semua kos langsung dan tidak langsung pembinaan (termasuk peruntukan bagi membaik pulih dan kos pemeriksaan utama) tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai. Susut nilai diperuntukan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos setiap harta di sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Kaedah pengiraan susut nilai telah diubah dari asas tahunan ke asas bulanan mulai dari tahun 2001.

Loji dan peralatan diturunkan nilai pada amaun yang boleh didapatkan balik jika amaun yang boleh didapatkan balik kurang dari nilai buku bersih. Amaun yang boleh didapatkan balik adalah amaun yang lebih tinggi antara harga jualan aset bersih atau amaun yang digunakan.

Kadar-kadar tahunan susut nilai adalah seperti berikut:-

Kelengkapan Pejabat	20%
Perabot dan Peralatan	10%
Komputer dan Aksesori	20%
Kenderaan	20%
Pengubahsuaian Bangunan	10%

Kerja dalam proses tidak disusut nilai sehingga ia boleh digunakan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(c) Geran Kerajaan Negeri

Pustaka tidak mengiktiraf geran kerajaan termasuk geran bukan kewangan pada nilai saksama, sehingga ada jaminan yang munasabah bahawa Pustaka akan mematuhi syarat-syarat yang disertakan bersama geran dan geran tersebut akan diterima.

Geran kerajaan termasuk bantuan kerajaan untuk penyediaan dalam projek-projek sosial di kawasan yang belum dibangunkan yang mungkin tidak mempunyai syarat-syarat yang khusus berkaitan dengan aktiviti operasi Pustaka.

Semua geran kerajaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan secara sistematik sepanjang tempoh di mana Pustaka mengiktiraf sebagai perbelanjaan kos berkaitan yang mana geran adalah bertujuan untuk membayar ganti rugi. Apa-apa baki yang belum diiktiraf dalam untung atau rugi dikira sebagai pendapatan tertunda seperti liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan.

Geran yang berkaitan dengan aset bukan kewangan dan geran lain yang diterima tetapi belum diiktiraf dalam untung atau rugi ditunjukkan sebagai pendapatan tertunda dan diiktiraf dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus sepanjang hayat berguna aset yang berkaitan atau berdasarkan syarat-syarat bantuan yang diterima, yang mana berkenaan.

i. Geran Operasi

Geran Operasi diterima untuk aktiviti operasi atau penyelenggaraan aktiviti-aktiviti dan dikredit ke Penyata Pendapatan.

ii. Geran Pembangunan

Geran Pembangunan diterima untuk aktiviti projek pembangunan atau penyelenggaraan projek pembangunan dan dikredit ke Pendahuluan daripada Kerajaan Negeri di bawah Liabiliti Semasa.

(d) Cukai Tertangguh

Peruntukan dibuat berdasarkan kaedah liabiliti untuk cukai tertangguh disebabkan perbezaan masa, kecuali ada kemungkinan perbezaan masa akan berterusan pada masa hadapan. Perbezaan masa yang menyebabkan baki cukai tertangguh didebitkan tidak akan dicatat melainkan ada jangkaan yang munasabah untuk merealisasikannya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(e) Kemudahan Kakitangan

Pustaka mengiktiraf tanggungan apabila pekerja telah menyediakan perkhidmatan sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa depan dan perbelanjaan apabila Pustaka menggunakan manfaat ekonomi yang timbul daripada perkhidmatan yang disediakan oleh pekerja sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja.

i. Kemudahan jangka pendek untuk kakitangan

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar serta cuti sakit, bonus dan faedah/kemudahan bukan dalam bentuk wang untuk kakitangan adalah diambil kira di dalam tempoh di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan Pustaka.

ii. Pelan caruman tetap

Caruman Pustaka kepada skim/kumpulan wang tetap adalah dicajkan kepada penyata pendapatan di dalam tempoh di mana ia berlaku. Tanggungan Pustaka adalah dianggap tamat sebaik pembayaran caruman dibuat.

Menurut peruntukan undang-undang, agensi-agensi di Malaysia perlu membuat caruman kepada Skim Pencen sama ada Kumpulan Wang Amanah Pencen atau Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman-caruman tersebut dianggap sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan di dalam tempoh di mana ia berlaku.

6. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

Ketidakpastian anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Antara item yang tertakluk kepada ketidakpastian anggaran penting Pustaka adalah dalam mengukur: (a) peruntukan; dan (b) susut nilai hartanah, loji dan peralatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

6. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN ANGGARAN KETIDAKPASTIAN (sambungan)

(a) Pengukuran Peruntukan

Pustaka menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur peruntukan. Pengurusan menilai anggaran berdasarkan pengalaman sejarah Pustaka dan input lain atau andaian, perkembangan semasa dan peristiwa masa hadapan yang secara munasabahnya dalam hal keadaan tertentu. Jika kewajipan adalah untuk diselesaikan lebih masa, aliran keluar dijangka didiskaun pada kadar yang mengambil kira nilai masa wang dan risiko bahawa keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat dan ini akan membawa kesan yang besar ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Pustaka.

(b) Susut nilai loji dan peralatan

Kos sesuatu item loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus atau kaedah lain yang sistematik yang mencerminkan manfaat ekonomi aset sepanjang hayat. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi daripada loji dan peralatan mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh membawa kepada keuntungan dan kerugian atas pelupusan akhir item loji dan peralatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

7. LOJI DAN PERALATAN

	Kelengkapan Pejabat RM	Perabot dan Peralatan RM	Komputer dan Aksesori RM	Kenderaan RM	Pengubahsuaian Bangunan RM	Kerja dalam proses RM	Jumlah RM
Tahun 2018							
<u>Kos</u>							
Pada 1.1.2018	2,553,224	922,314	2,965,337	270,896	93,105	12,809,761	19,614,637
Tambahan	124,950	50,764	50,359	-	-	9,668,448	9,894,521
Pada 31.12.2018	<u>2,678,174</u>	<u>973,078</u>	<u>3,015,696</u>	<u>270,896</u>	<u>93,105</u>	<u>22,478,209</u>	<u>29,509,158</u>
<u>Susut nilai terkumpul</u>							
Pada 1.1.2018	1,673,504	604,775	1,313,211	181,276	53,485	-	3,826,251
Tambahan	330,855	52,219	521,977	34,538	8,011	-	947,600
Pada 31.12.2018	<u>2,004,359</u>	<u>656,994</u>	<u>1,835,188</u>	<u>215,814</u>	<u>61,496</u>	<u>-</u>	<u>4,773,851</u>
<u>Nilai buku bersih</u>							
Pada 31.12.2018	<u>673,815</u>	<u>316,084</u>	<u>1,180,508</u>	<u>55,082</u>	<u>31,609</u>	<u>22,478,209</u>	<u>24,735,307</u>

	Kelengkapan Pejabat RM	Perabot dan Peralatan RM	Komputer dan Aksesori RM	Kenderaan RM	Pengubahsuaian Bangunan RM	Kerja dalam proses RM	Jumlah RM
Tahun 2017							
<u>Kos</u>							
Pada 1.1.2017							
- Dinyatakan sebelum ini	2,091,995	846,455	2,309,748	270,896	93,105	-	5,612,199
- Pelarasan tahun sebelum	-	-	-	-	-	1,431,895	1,431,895
Dinyatakan semula pada 1.1.2017	2,091,995	846,455	2,309,748	270,896	93,105	1,431,895	7,044,094
Tambahan	532,323	103,151	655,589	-	-	11,377,866	12,668,929
Pelupusan	(71,094)	(27,292)	-	-	-	-	(98,386)
Pada 31.12.2017	<u>2,553,224</u>	<u>922,314</u>	<u>2,965,337</u>	<u>270,896</u>	<u>93,105</u>	<u>12,809,761</u>	<u>19,614,637</u>
<u>Susut nilai terkumpul</u>							
Pada 1.1.2017	1,452,509	586,441	905,703	146,739	45,475	-	3,136,867
Tambahan	290,429	42,839	407,508	34,537	8,010	-	783,323
Pelupusan	(69,434)	(24,505)	-	-	-	-	(93,939)
Pada 31.12.2017	<u>1,673,504</u>	<u>604,775</u>	<u>1,313,211</u>	<u>181,276</u>	<u>53,485</u>	<u>-</u>	<u>3,826,251</u>
<u>Nilai buku bersih</u>							
Pada 31.12.2017	<u>879,720</u>	<u>317,539</u>	<u>1,652,126</u>	<u>89,620</u>	<u>39,620</u>	<u>12,809,761</u>	<u>15,788,386</u>

Bangunan Pustaka Negeri Sarawak, Kuching dan Pustaka Negeri Sarawak, Miri adalah hakmilik Kerajaan Negeri Sarawak berdasarkan *Sarawak State Library Ordinance, 1999, Part II, No. 6. Ownership of State Library Property*: "All properties, movable or immovable, for the use of the State Library or to enable the State Library to undertake or fulfill its statutory functions and powers and to provide the services envisaged under this Ordinance, shall be the property of the Government, and may, if so directed by the Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, be vested in the name of the Council or such other body as the Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri may determine.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2018 RM	2017 RM
Wang tunai	435	768
Tunai di bank	6,592,814	5,334,700
Simpanan tetap di bank berlesen	37,966,524	35,886,969
Jumlah	44,559,773	41,222,437

Kadar faedah pada Tarikh pelaporan adalah 3.30% hingga 4.15% (2017: 3.15% hingga 4.05%) setahun dan deposit tetap tempoh matang 33 (2017: 33) hari.

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk perkara-perkara berikut bagi tujuan Penyata Aliran Tunai:-

	2018 RM	2017 RM
Tunai dan kesetaraan tunai	44,559,773	41,222,437
Tolak: Simpanan tetap yang mempunyai tempoh matang melebihi 3 bulan	(29,601,351)	(27,887,687)
Jumlah	14,958,422	13,334,750

9. PENGHUTANG DAN PRABAYARAN

	2018 RM	2017 RM
Penghutang	655,216	492,505
Prabayaran:		
Insuran	208,566	230,536
<i>On-line Database and Magazine</i>	1,469	3,655
<i>Security System Tag</i>	77,610	80,646
Lain-lain prabayaran	8,780	5,178
Jumlah	951,641	812,520

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

10. PEMIUTANG

	2018 RM	2017 RM
Lain-lain pemiutang	4,392,664	3,003,356
Deposit dan wang tahanan	739,743	137,337
Jumlah	5,132,407	3,140,693

11. PENDAHULUAN DARIPADA KERAJAAN NEGERI

Tahun 2018	Baki 1.1.2018 RM	Terimaan RM	Perbelanjaan RM	Baki 31.12.2018 RM
(a) Latihan & Pembangunan Sumber Manusia	153,770	200,000	262,543	91,227
(b) Pembangunan Koleksi Am	1,702,886	2,400,000	4,102,886	-
(c) Pembangunan Taman Awam dan Lanskap	573,829	200,000	391,759	382,070
(d) Pustaka Sibiu	31,211,906	-	-	31,211,906
(e) Pemuliharaan Bahan-bahan Arkib dan Program	-	550,000	99,430	450,570
(f) <i>Digitising Equipment of Microfilms Government Record</i>	100	-	-	100
(g) <i>Research On Reading Habits</i>	73	-	-	73
(h) <i>State Archive Building</i>	5,798,751	-	-	5,798,751
(i) <i>Microfilm and Digitization of Documents</i>	1,032,891	275,000	79,605	1,228,286
(j) Aset - Kelengkapan Pejabat	-	493,049	-	493,049
(k) Aset - Perabot & Peralatan	-	101,320	-	101,320
(l) Aset - Komputer & Aksesori	-	1,076,641	-	1,076,641
(m) Aset - Pengubahsuaian Bangunan	-	2,800,000	-	2,800,000
(n) Aset - <i>ICT Component Sibiu</i>	-	1,761,411	-	1,761,411
	40,474,206	9,857,421	4,936,223	45,395,404

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

11. PENDAHULUAN DARIPADA KERAJAAN NEGERI (sambungan)

Tahun 2017	Baki dinyatakan					Baki 31.12.2017 RM
	Baki 1.1.2017 RM	Pelarasan tahun sebelum RM	semula pada 1.1.2017 RM	Terimaan RM	Perbelanjaan RM	
(a) Latihan & Pembangunan Sumber Manusia	142,587	-	142,587	200,000	188,817	153,770
(b) Pembangunan Koleksi Am	1,604,962	-	1,604,962	2,400,000	2,302,076	1,702,886
(c) Pembangunan Taman Awam dan Lanskap	173,543	-	173,543	700,000	299,714	573,829
(d) Pustaka Sibu	29,921,815	1,290,091	31,211,906	-	-	31,211,906
(e) Pemuliharaan Bahan-bahan Arkib dan Program	-	-	-	1,000,000	1,000,000	-
f) <i>Digitising Equipment of Microfilms Government Record</i>	100	-	100	-	-	100
(g) <i>Research On Reading Habits</i>	5,333	-	5,333	-	5,260	73
(h) <i>State Archive Building</i>	5,656,947	141,804	5,798,751	-	-	5,798,751
i) <i>Microfilm and Digitization of Documents</i>	796,596	-	796,596	400,000	163,705	1,032,891
	38,301,883	1,431,895	39,733,778	4,700,000	3,959,572	40,474,206

12. MANFAAT PEKERJA

	2018 RM	2017 RM
Gantian cuti rehat		
Bawa ke hadapan	270,123	179,505
Perbelanjaan manfaat pekerja	68,578	90,618
Dibawa ke hadapan	338,701	270,123
Jangka pendek	-	-
Jangka panjang	338,701	270,123

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

13. HASIL KENDALIAN

	2018 RM	2017 RM
Servis maklumat niaga	82	50

14. LAIN-LAIN HASIL

	2018 RM	2017 RM
Denda	27,478	33,418
Auditorium	39,695	51,525
Bilik seminar/mesyuarat/diskusi/konferan	53,866	56,403
Galeri pameran	42,000	54,350
Kafeteria dan kedai buku	21,600	26,100
Faedah dari simpanan tetap	1,722,871	1,541,750
Lain-lain hasil	115,981	125,546
Jumlah	2,023,491	1,889,092

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

15. GERAN KERAJAAN NEGERI

	2018	Dinyatakan semula 2017
	RM	RM
Geran Operasi	28,516,620	22,000,000
Geran Pembangunan	4,936,223	3,959,572
Jumlah	33,452,843	25,959,572

16. KOS PEKERJA

	2018	2017
	RM	RM
Perbelanjaan manfaat pekerja	68,578	78,756
Gaji dan elaun	9,384,022	8,628,993
KWSP	1,014,952	986,000
PERKESO	4,859	6,953
Subsidi	120,340	124,868
Pakaian seragam	35,932	21,002
Perubatan	206,019	182,110
Jumlah	10,834,702	10,028,682
Bilangan kakitangan	171 orang	162 orang

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

17. LAIN-LAIN KOS OPERASI

	2018	Dinyatakan semula 2017
	RM	RM
Pengawal keselamatan	342,906	318,901
Perbelanjaan pejabat	552,825	522,721
Pengangkutan dan perjalanan	381,124	353,961
Pencetakan	348,989	260,772
Penyelenggaraan <i>Security System Tag</i>	105,035	81,534
Penyelenggaraan bangunan	1,645,220	2,330,667
Elaun Ahli Lembaga Pengurusan	100,000	81,600
Keraian dan jamuan awam	167,430	172,897
Latihan	495,314	450,888
Insuran	406,123	330,485
Elektrik	1,093,698	1,111,499
Air	28,975	29,494
Telefon	87,929	107,030
Perhubungan awam dan pemasaran	118,221	117,213
Honorarium	25,626	18,592
Pembersihan bangunan	378,265	366,953
Sewa	64,963	48,087
Baki dibawa ke bawah	6,342,643	6,703,294

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

17. LAIN-LAIN KOS OPERASI (sambungan)

	2018	Dinyatakan semula 2017
	RM	RM
Baki dibawa ke hadapan	6,342,643	6,703,294
Yuran profesional	8,000	3,344
Penyelenggaraan taman dan landskap	685,578	441,181
Yuran audit	4,500	3,572
<i>Online Database</i>	700,000	550,000
Majalah dan Jurnal	179,139	246,444
Penyelenggaraan koleksi	31,686	17,942
<i>Acquisition of Sarawakiana materials</i>	209,721	129,149
Servis komunikasi awam	94,361	48,933
<i>Legal Deposit</i>	287,000	120,360
<i>Record Management</i>	199,623	143,713
<i>Archive Management</i>	411,862	263,511
Kempen membaca	248,676	194,669
<i>Outreach programme</i>	248,235	189,535
<i>Leasing/ rental of multimedia computers</i>	237,870	230,401
<i>Angkasa Library System Maintenance</i>	112,631	97,865
<i>ICT professional services</i>	298,143	304,818
<i>Support and Maintenance of Platform Equipment</i>	279,978	271,599
<i>Dedicated Internet Access</i>	105,673	103,608
<i>Support and Maintenance of Wireless LAN</i>	99,745	93,954
<i>Support and Maintenance SRR Platform Equipment</i>	130,687	197,442
<i>Maintenance Union Catalogue Sarawak</i>	169,909	168,508
<i>Support and Maintenance CCTV, Fingerprint</i>	93,419	79,997
<i>Angkasa Library System Perpustakaan Awam</i>	191,452	276,070
<i>State KM Portal</i>	99,633	115,827
Perbelanjaan pembangunan	4,936,224	3,959,572
Lain-lain perbelanjaan	1,845,838	1,412,018
Jumlah	18,252,226	16,367,326

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

18. PERCUKAIAN

(a) Peruntukan cukai

Kementerian Kewangan di bawah Seksyen 127 (3)(b) telah memberi pengecualian cukai pendapatan kepada Pustaka Negeri Sarawak berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1999.

(b) Cukai tertangguh

Peruntukan sementara amaun boleh cukai/dibenarkan sebagai tolakan cukai adalah tidak matan untuk diambil kira sebagai aset/liabiliti cukai tertangguh.

19. MATA WANG FUNGSIAN

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian Pustaka.

20. KOMITMEN MODAL

	2018 RM	2017 RM
Perolehan dan pengembangan loji dan peralatan	<u>287,000,548</u>	<u>280,768,127</u>
Jumlah perbelanjaan modal diluluskan oleh Lembaga Pengurusan		
- yang belum dikontrak	275,777,927	267,958,366
- yang telah dikontrak	11,222,621	12,809,761
Jumlah perbelanjaan modal yang diluluskan	<u>287,000,548</u>	<u>280,768,127</u>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

21. PELARASAN TAHUN SEBELUM

Pelarasan pada tahun 2017 menunjukkan pengurangan kos untuk bangunan Pustaka Sibn dan Bangunan Arkib Negeri yang sedang dalam proses di bawah Penyata Kewangan. Pengurangan ini adalah selaras dengan kehendak MPERS Seksyen 17.4 di mana entiti hendaklah mengiktiraf kos item hartanah, loji dan peralatan sebagai aset jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir ke entiti dan kos item boleh diukur dengan pasti.

Oleh itu, akaun berikut dalam tahun kewangan sebelumnya telah dinyatakan semula untuk menunjukkan kesan pelarasan ini seperti berikut: -

2017	Dinyatakan sebelum ini RM	Pelarasan RM	Dinyatakan semula RM
<u>Penyata Kedudukan Kewangan</u>			
Aset Bukan Semasa			
Loji dan peralatan	2,978,625	12,809,761	15,788,386
Liabiliti Semasa			
Pendahuluan daripada Kerajaan Negeri	27,664,445	12,809,761	40,474,206
<u>Penyata Pendapatan Komprehensif</u>			
Geran Kerajaan Negeri	37,337,438	(11,377,866)	25,959,572
Lain-lain kos operasi	(27,745,192)	11,377,866	(16,367,326)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

22. ANGKA PERBANDINGAN

Angka berikut telah dikelaskan semula untuk menyesuaikan dengan pembentangan tahun semasa:-

	Dinyatakan semula 2017 RM	Dinyatakan sebelum ini 2017 RM
<u>Penyata Aliran Tunai</u>		
Pendapatan faedah	(1,541,750)	-
Geran pembangunan	(3,959,572)	-
Pengeluaran deposit tetap	13,229,234	-
Faedah diterima	1,541,750	-
Pembelian loji dan peralatan	(12,668,929)	(1,291,063)
Perbelanjaan pembangunan	-	(15,337,438)
Kurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	3,708,267	(9,520,967)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	9,626,483	50,743,404
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	<u>13,334,750</u>	<u>41,222,437</u>

**PUSTAKA NEGERI SARAWAK
(SARAWAK NEGERI SARAWAK)**

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium,
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia

☎ 6 082 442000 | 📠 6 082 449944

@ librarian@sarawak.gov.my

🌐 www.pustaka-sarawak.com

